

DR 5 TAHUN 2015
DEWAN RAKYAT YANG KETIGA BELAS
PENGGAL KETIGA

LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

**PENGURUSAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN**

- *Kementerian Pengangkutan -*
- *Jabatan Pengangkutan Jalan -*

LAPORAN
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS

<u>BIL</u>	<u>PERKARA</u>	<u>MUKASURAT</u>
1.	Laporan Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara Terhadap Pengurusan Aktiviti Penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan	1
2.	Rumusan & Syor Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara	16
3.	Agenda Mesyuarat a. Bilangan 40/2014 pada Rabu 5 November 2014	18
4.	Laporan Prosiding a. Bilangan 40/2014 pada Rabu 5 November 2014	
5.	Dokumen Pembentangan	

**LAPORAN
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA
WANG NEGARA**

**LAPORAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
TERHADAP PENGURUSAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN
JABATAN PENGANGKUTAN JALAN
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN**

1. PENDAHULUAN

Pembentangan Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 (Siri 2) di Dewan Rakyat pada 16 Jun 2014 telah mendedahkan beberapa perkara berkaitan dengan aktiviti penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ).

JPJ di bawah Kementerian Pengangkutan bertanggungjawab menguatkuasakan undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan pengangkutan jalan supaya urusan hal-ehwal berkaitannya adalah cekap, selamat serta mengikut peraturan. Bahagian Penguatkuasa JPJ merupakan bahagian yang bertanggungjawab untuk memastikan peruntukan undang-undang pengangkutan jalan dilaksanakan dengan berintegriti serta dipatuhi oleh pengguna jalan raya bagi mewujudkan persekitaran jalan raya yang selamat.

Selain itu, PAC juga turut membincangkan isu berkaitan mySIKAP, *Automatic Enforcement System* (AES) dan pengurusan Tender Nombor Plat yang dipertikaikan dan dilaporkan dalam media sosial untuk mendapat keterangan lanjut.

**2. OBJEKTIF PERBINCANGAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA
WANG NEGARA**

Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara telah membincangkan isu aktiviti penguatkuasaan JPJ yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2013 (Siri 2). Selaras dengan mandat yang diberikan di bawah Perkara 77 Peraturan-peraturan Majlis

Mesyuarat Dewan Rakyat serta Perkara 304(a) Arahan Perbendaharaan (Pindaan 2008), Jawatankuasa telah membuat pemeriksaan terhadap perkara ini dengan tujuan:

- i. Memastikan pelaksanaan penguatkuasaan mencapai objektif yang telah ditetapkan;
- ii. Tiada pembaziran dan ketirisan berlaku dalam pelaksanaan aktiviti penguatkuasaan; dan
- iii. Memastikan penguatkuasaan yang dilaksanakan mematuhi undang-undang, peraturan dan syarat yang telah ditetapkan.

3. SKOP DAN METODOLOGI

Perbincangan telah dibuat melalui pendekatan berikut:

- i. Menjemput Jabatan Audit Negara bagi memberi penjelasan berhubung isu yang dibangkitkan;
- ii. Memanggil pihak-pihak yang terlibat iaitu Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan untuk memberi penjelasan mengenai maklum balas dan tindakan yang diambil; dan
- iii. Menjemput wakil dari agensi pusat seperti Kementerian Kewangan; Jabatan Akauntan Negara; Jabatan Perkhidmatan Awam dan Unit Perancang Ekonomi untuk hadir bersama.

4. LIMITASI JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Tiada limitasi dikenal pasti.

5. LATAR BELAKANG PENGURUSAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

Bidang kuasa utama yang digunakan oleh anggota penguatkuasa dalam melaksanakan aktiviti penguatkuasaan JPJ adalah berpandukan kepada Akta Pengangkutan Jalan 1987 (APJ 1987)

dan Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan 1987 (ALPKP 1987) dan kaedah yang diwujudkan di bawah kedua-dua akta tersebut, Akta Pengangkutan Awam Darat 2010 (APAD 2010) serta akta lain yang berkaitan dengan pengangkutan jalan.

Objektif Bahagian Penguatkuasa antaranya adalah seperti berikut:

- i. memastikan pemandu dan kenderaan yang digunakan mematuhi undang-undang berkaitan;
- ii. meningkatkan tahap keselamatan jalan raya melalui pengawal seliaan pemandu, kenderaan motor dan pengguna jalan raya yang lain; dan
- iii. mewujudkan sikap lebih bertanggungjawab di kalangan pengusaha kenderaan perdagangan.

6. HASIL PERBINCANGAN DAN PENEMUAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Sesi perbincangan dimulakan dengan penjelasan awal mengenai isu yang berkenaan oleh Jabatan Audit Negara kepada Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara. Selanjutnya, pihak yang terlibat dengan isu yang dibangkitkan iaitu Kementerian Pengangkutan yang diwakili oleh YBhg. Datuk Ruhaiyah binti Mohamed Rashid iaitu Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan) Kementerian Pengangkutan dan Dato' Ismail bin Ahmad, Ketua Pengarah JPJ dipanggil memberikan keterangan. Perkara yang dibincangkan pada umumnya diringkaskan seperti berikut:

6.1. Penjelasan Awal Oleh Jabatan Audit Negara

Jabatan Audit Negara telah memaklumkan mengenai hasil pengauditan terhadap pengurusan aktiviti penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan mengenai perkara berikut:

6.1.1 Skop audit yang dijalankan mengambil kira dari tempoh tahun 2011 hingga 2013 yang melibatkan Operasi Harian, Operasi Bersepadu, Operasi Motosikal, Operasi Pengarah, Operasi Terminal Bas, Stesen Penguatkuasaan, Operasi Lebih Muatan dan Operasi Musim Perayaan. Pengauditan dijalankan di Bahagian Penguatkuasaan Putrajaya, Kelantan, Selangor, Sabah, Perak dan Wilayah Persekutuan.

6.1.2 Antara perkara yang dibangkitkan adalah:

a. Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama (KPI)

3 daripada 5 negeri yang dilawati iaitu negeri Selangor, Sabah dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mencapai KPI bagi operasi yang ditetapkan manakala Negeri Kelantan dan Perak tidak mencapai keseluruhan KPI yang ditetapkan.

b. Kuasa JPJ Terhad Terhadap Kesalahan Di Bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010

Tiada saman dikeluarkan secara terus/langsung berkaitan kesalahan lebih muatan sejak berkuat kuasanya APAD 2010 di Semenanjung kerana peruntukan APAD 2010 telah menetapkan keperluan menyediakan kertas siasatan (IP) sebelum mendapatkan keizinan bertulis daripada Pendakwa Raya bagi tujuan pendakwaan dan pengkompaunan.

Bagi kesalahan lebih muatan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan, saman boleh dikeluarkan terus tanpa perlu mendapatkan keizinan Pendakwa Raya. Ini menunjukkan kaedah penguatkuasaan yang berbeza bagi kesalahan lebih muatan mengikut APAD 2010.

c. Kelewatan Menyiapkan Kertas Siasatan

Sebanyak 312 (14.7%) daripada 2,120 kertas siasatan yang dibuka dapat disiapkan bagi tempoh tahun 2011 hingga bulan Julai 2013. Sebanyak 112 kertas siasatan yang telah siap diserahkan kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk tindakan selanjutnya. Bagi kes pemilik enggan hadir temu siasat, kertas siasatan bersama bukti keengganan pemilik hadir dihantar ke SPAD untuk tindakan selanjutnya. Di bawah APAD 2010, Pegawai JPJ tidak mempunyai kuasa untuk menyenaraihitamkan pemilik yang tidak hadir temu siasat.

d. Penguatkuasaan Terhadap Kenderaan Yang Diberi Pengecualian Permit Peredaran Antarabangsa (International Circulation Permit (ICP)) Tidak Dapat Ditentukan

Pegawai JPJ yang ditempatkan di Stesen Kawalan Sempadan (SKS) tidak melaksanakan aktiviti penguatkuasaan kerana terdedah kepada risiko/ancaman keselamatan daripada pihak luar yang keluar masuk sempadan sebaliknya hanya melaksanakan tugas mengeluarkan dan membatalkan ICP serta tugas pentadbiran SKS. Tugas penguatkuasaan ini dilaksanakan oleh pegawai JPJ dari negeri/cawangan berdekatan.

Pihak Audit tidak dapat menentukan penguatkuasaan secara khusus dijalankan terhadap kenderaan asing yang diberi pengecualian memasuki kawasan sempadan tanpa ICP dalam jarak 2 km. Wujud risiko kenderaan ini bergerak melebihi jarak yang

dibenarkan, membawa lebih muatan, tidak mempunyai tanda badan, dan pemandunya tidak mempunyai lesen yang disyaratkan oleh undang-undang Malaysia.

e. Laporan/Rekod Operasi Penguatkuasaan Tidak Diselenggara Atau Tidak Lengkap

Rekod bagi 6 operasi (Lebih Muatan, Terminal Bas, Bersepadu, Motosikal, Pengarah dan Operasi Musim Perayaan) tidak diselenggara/tidak lengkap.

f. Penubuhan Pejabat Tanpa Waran Perjawatan

Sebanyak 9 Stesen Penguatkuasa (SPK) dan 4 SKS ditubuhkan tanpa waran perjawatan. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada bukti JPJ memohon perjawatan kepada JPA bagi pejabat tersebut.

g. Pejabat Tidak Ditubuhkan Walaupun Ada Waran Perjawatan

Tiga Pejabat Kecil (PK) di Negeri Perak, empat SPK di Negeri Selangor dan satu SPK di Negeri Sabah yang melibatkan 168 perjawatan yang telah diluluskan melalui waran perjawatan Bil. K73/2012 belum ditubuhkan. Bagi PK Parit Buntar, Slim River dan Selama, pejabat tidak ditubuhkan kerana tiada peruntukan kewangan dan tanah. Bagi SPK Kajang-Seremban (LEKAS) (Utara) dan (LEKAS) (Selatan), bangunan pejabat masih belum dibina oleh syarikat konsesi lebuh raya. Bagi SPK Klang Selatan (SKVE) (Timur) dan (Barat), pejabat telah siap dibina oleh syarikat konsesi lebuh raya tetapi serahan masih belum dibuat kepada JPJ. Bagi SPK Kota Marudu, tiada bangunan pejabat dibina.

h. Bekalan Elektrik Ke SPK Segama, Lahad Datu, Sabah

Lawatan Audit pada 20 Ogos 2013 mendapati pejabat ini masih belum dilengkapi dengan talian bekalan elektrik. Sumber elektrik sedia ada diperoleh sepenuhnya daripada set generator yang mula beroperasi pada tahun 1995 dan bekalan petrol yang diperoleh dari Lahad Datu pada jarak 36 km.

Satu unit generator yang dibekalkan pada tahun 1995 telah rosak pada bulan Disember 2007. Satu unit generator terpakai daripada JPJ Negeri Sabah telah dibekalkan pada bulan Januari 2008 yang kerap mengalami kerosakan dan menyebabkan bekalan elektrik sering terputus dan proses penimbangan tidak dapat dilaksanakan.

i. Penyenggaraan Jalan Keluar SPK Telipok, Tuaran, Sabah

Lawatan Audit pada 22 Ogos 2013 mendapati jalan keluar di Stesen Penguatkuasa Telipok tidak dapat digunakan kerana jalan yang rosak akibat banjir. Ia menyebabkan kenderaan terpaksa membuat pusingan "U" dan keluar melalui pintu masuk. Keadaan ini menyukarkan pihak JPJ dan pemandu kenderaan kerana mengganggu kerja penimbangan kenderaan. Permohonan penyenggaraan untuk kerja pembaikan jalan masuk dan keluar pejabat Stesen Penguatkuasa Negeri Sabah kepada Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah telah dibuat pada 15 Februari 2013.

6.2. Keterangan Oleh Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan), Kementerian Pengangkutan

YBhg. Datuk Ruhaizah binti Mohd Rashid, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan), Kementerian Pengangkutan memberikan keterangan mengenai pengurusan aktiviti penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan seperti berikut:

- 6.2.1 JPJ merupakan agensi di bawah Kementerian Pengangkutan menguatkuaskan 4 perundangan iaitu Akta Pengangkutan Jalan 1987, APAD, Akta LPKP dan *Road Transport Rules*. Selain sebagai agensi penguatkuasa, JPJ juga banyak berperanan dalam urusan pendaftaran kenderaan, mengeluarkan lesen, memastikan kenderaan selamat untuk didaftarkan dan memastikan indeks kemalangan negara berada pada tahap setanding dengan negara maju.
- 6.2.2 Di bawah peruntukan APJ yang lama (sebelum APAD), JPJ mempunyai kuasa untuk keluarkan saman secara terus untuk kesalahan lebih muatan, namun selepas APAD diwujudkan, JPJ perlu menyediakan kertas siasatan dan hantar kepada SPAD untuk diambil tindakan. Namun, pihak JPJ telah mendapat kebenaran dari Pejabat Peguam Negara untuk mengeluarkan saman secara terus untuk kes ini.
- 6.2.3 Isu ICP sedang dikaji untuk proses penambahbaikan kerana ia melibatkan kerjasama dan persefahaman 2 negara iaitu Malaysia dan Thailand. Prosedur pengeluaran permit berkenaan akan diperhalusi bagi mengelakkan ia disalahgunakan.
- 6.2.4 Bagi memantapkan pengurusan PUSPAKOM serta JPJ untuk mengelakkan pertindihan kuasa, Kementerian

sentiasa dari semasa ke semasa mengadakan perbincangan dan mesyuarat terutamanya jika terdapat aduan orang ramai. PUSPAKOM adalah pemegang konsesi di bawah Kementerian Pengangkutan. Selain itu, PUSPAKOM juga sentiasa menambah baik keperluan peralatan dan logistik supaya aktivitinya dapat dipertingkatkan.

6.2.5 Kadar kematian kemalangan jalanraya di negara ini adalah tinggi berbanding negara-negara lain. Pada tahun 2013 kadar kemalangan mencapai 2.9 pada *fatalities rate index* (indeks kemalangan maut). Sekiranya kadar ini tidak dikurangkan, dijangka menjelang tahun 2020, negara akan menghadapi 10,716 kematian.

6.3. Keterangan Oleh Ketua Pengarah, Jabatan Pengangkutan Jalan

YBhg. Dato' Ismail bin Ahmad Rashid, Ketua Pengarah, Jabatan Pengangkutan Jalan memberikan maklum balas mengenai pengurusan aktiviti penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan seperti berikut:

6.3.1 Bagi penyelarasan KPI bagi semua peringkat, supaya tidak wujud jurang perbezaan, pihak JPJ telah menjalankan satu kajian bersama dengan pihak USM bagi membangunkan KPI yang komprehensif dan standard pada tahun 2014. Ia akan diguna pakai pada masa akan datang.

6.3.2 Peruntukkan APAD menetapkan keperluan penyediaan kertas siasatan sebelum mendapat keizinan bertulis dari Pendakwa Raya sebelum tindakan pendakwaan dan pengkompaunan. Namun ia tidak terpakai untuk Sabah dan Sarawak. Ia menunjukkan tiada keseragaman antara APAD 2010 dan ALPKP 1987 untuk kesalahan lebih

muatan. Perkara ini telah menyulitkan usaha-usaha penguatkuasaan yang terpaksa dilakukan oleh JPJ. Data penguatkuasaan sebelum APAD 2010, lebih 400,000 saman dikeluarkan setahun berbanding 3,000 hingga 4,000 sahaja selepas APAD 2010.

Bagaimanapun, mulai tahun 2014, JPJ telah mendapat kelulusan Jabatan Peguam Negara di mana pegawai penyiasat JPJ boleh menyediakan Kertas Siasatan dan membawa terus kepada Timbalan Pendakwa Raya tanpa melalui SPAD.

- 6.3.3 Berlaku banyak kes kertas siasatan yang tidak selesai akibat daripada kerentak birokrasi apabila APAD 2010 diwujudkan. Namun, setelah JPJ mendapat kebenaran khas dari Peguam Negara, perkara ini boleh diselesaikan dengan segera.
- 6.3.4 Pengemaskinian kad kuasa kakitangan dengan memasukkan Peruntukan kuasa di bawah Seksyen 81(1), 82(1) dan 235(1) APAD 2010 dijangka selesai akhir bulan Disember 2014.
- 6.3.5 Pihak JPJ telah mengeluarkan SOP bagi penguatkuasaan kesalahan di bawah ICP dan telah diedarkan kepada semua JPJ Negeri bersempadan untuk tugasan penguatkuasaan.
- 6.3.6 Pihak JPJ sedang menyediakan proses kerja bagi pendaftaran kes kesalahan lebih muatan dalam mySIKAP bagi kemudahan semakan dan rujukan anggota. Satu laporan berdasarkan format baru dijangka siap sebelum Julai 2015.

6.3.7 Pihak JPJ sedang menyelaras isu waran perjawatan dengan pihak JPA. Perkara ini dalam proses semakan dan di Sabah dan Sarawak telah berjaya diselesaikan manakala di Semenanjung selesai di peringkat cawangan. Keseluruhan dijangka dapat diselesaikan dalam tahun 2015.

6.3.8 Pihak JPJ telah mendapat peruntukan sejumlah RM100,000 bagi kerja baik pulih bekalan elektrik di SPK Segama, Lahad Datu, Sabah pada 15 Mei 2014 dan kerja telah dilaksanakan dan dipantau oleh JPJ Sabah dan dijangka siap pada November 2014.

6.3.9 JPJ Sabah telah memohon kepada Jabatan Kerja Raya Sabah untuk membuat penilaian anggaran kos bagi kerja pembaikan terhadap jalan keluar SPK Telipok pada 3 Mei 2013 tetapi masih belum menerima jawapan. Permohonan bajet 2015 sejumlah RM1 juta telah diperakukan semasa Mesyuarat Pemeriksaan Belanjawan 2015 tetapi tidak diluluskan semasa pembentangan di Parlimen.

Selain itu, Ketua Pengarah JPJ ada memberi keterangan mengenai perkara berikut:

6.3.10 Bagi mempertingkatkan kualiti pemandu-pemandu baru di negara ini, JPJ telah memperkenalkan Kurikulum Pendidikan Pemanduan yang dilancarkan pada bulan September 2014. Ia memberi tumpuan terhadap tahap kompetensi pemanduan, kemahiran, integriti, bertimbang rasa dan pemanduan berhemah.

6.3.11 JPJ juga membangunkan mySIKAP untuk mempertingkatkan *service delivery* pada masyarakat dan

lebih *user friendly*, antaranya orang ramai boleh memperbaharui lesen, bayar cukai kenderaan dan pertukaran nama pembelian/penjualan kenderaan boleh dibuat secara atas talian (*online*).

- 6.3.12 Pembangunan sistem mySIKAP dilaksanakan oleh syarikat HeiTech Padu Sdn Bhd dengan kos RM282 juta. mySIKAP akan menggantikan Sistem SIKAP yang digunakan sebelumnya yang mempunyai 21 inisiatif baru antaranya kemudahan pendaftaran kenderaan di kedai yang menjual kereta yang menggunakan sistem biometrik.
- 6.3.13 Selain itu, eBidding juga akan dibangunkan bagi memudahkan proses orang ramai membuat bidaan nombor plat kenderaan dan menjadikan ia lebih telus. Berdasarkan prosedur JPJ, setiap Menteri dengan Kementerian yang sama, Menteri Besar dan Ketua Menteri mempunyai hak 1 kuota manakala Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri, 2 kuota bagi sepanjang hayat. Manakala untuk Yang di-Pertuan Agong, Tuanku dan Sultan, diperuntukkan dengan 7 kuota. Manakala tiada kuota diberikan kepada KSN dan KSU atau mana-mana pegawai Kerajaan.

Buat masa ini, pihak JPJ tidak mendedahkan nama pemenang bidaan bagi sesuatu nombor selepas mendapat pandangan dari Kabinet. Namun, jika perkara ini ada keperluan dikaji semula, pihak JPJ akan memperbaiki proses kerjanya bagi menjamin ketelusan.

- 6.3.14 Mesyuarat Majlis Ekonomi telah memutuskan bahawa urusan AES akan diambil alih oleh pihak Kerajaan atau syarikat Kerajaan. Namun, buat masa ini PDRM dan JPJ

adalah agensi yang bertanggungjawab untuk pengoperasian sistem AES. PDRM akan bertanggungjawab untuk kenal pasti lokasi dan mengeluarkan saman manakala JPJ berperanan untuk menentukan kes *blacklist*, gantung lesen, *demerit*, batal lesen dan sebagainya.

6.4 Keterangan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam

- 6.4.1 Memaklumkan bahawa tindakan JPJ menujuhan pejabat tanpa waran perjawatan adalah merupakan amalan yang salah walaupun dengan kaedah “pertukaran secara pentadbiran”. Sepatutnya diambil tindakan susulan iaitu pindah butiran perjawatan. Ianya adalah dalam perhatian dan tindakan JPA untuk pelarasian.
- 6.4.2 Masih wujud pertindihan dalam proses kerja antara SPAD dan JPJ. Namun perkara ini sentiasa dikaji oleh pihak JPA dalam usaha mentransformasikan Jabatan/Agensi Kerajaan.

7 RUMUSAN JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

- 7.1. Aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan oleh JPJ adalah memuaskan namun memerlukan penyelarasan yang baik antara agensi lain terutamanya SPAD bagi mengelakkan pertindihan.
- 7.2 Adalah wajar had kuasa antara JPJ dan SPAD diperhalusi dan dikenal pasti dalam menguatkuasakan APAD dan APJ bagi mengelakkan kerentak birokrasi bagi mempercepatkan proses saman, pengkompaunan dan tindakan yang lain. Ia juga dapat mengurangkan jumlah kes tertunggak.

- 7.3 Pembangunan sistem mySIKAP adalah perlu digunakan sepenuhnya bagi mencapai objektif yang ditetapkan memandangkan Kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM282 juta di samping ia dapat mempertingkatkan *delivery system* pada masyarakat.
- 7.4 Pengurusan Tender Nombor Plat perlu ditambah baik bagi mempertingkatkan ketelusan Kementerian. Adalah wajar kaedah tender ini dikaji semula antaranya mendedahkan nama individu yang memenangi tender berkenaan. Ia dapat mengelakkan persepsi negatif di kalangan masyarakat. Selain itu Jawatankuasa menyambut baik inisiatif JPJ bagi membangunkan sistem *eBidding* bagi menggantikan kaedah tender secara manual.

8 SYOR JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

Bagi tujuan penambahbaikan akan datang, Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara mencadangkan beberapa perkara seperti berikut:

- 8.1 Memohon kajian semula aktiviti dan bidang kuasa JPJ supaya tiada berlaku pertindihan fungsi SPAD dan fungsi JPJ;
- 8.2 Meminta Kementerian Kewangan mengambil maklum atas permohonan peruntukan penyelenggaraan bagi semua pejabat JPJ termasuk SPK contohnya SPK Telipok yang dianggarkan berjumlah RM1 juta yang masih tidak diluluskan untuk membaiki kerosakan;
- 8.3 Pembangunan sistem mySIKAP hendaklah diuruskan dengan baik dan cekap supaya tidak berlaku pembaziran serta objektif pembangunan sistem tersebut dapat dicapai;
- 8.4 Sebelum pelaksanaan *eBidding*, JPJ hendaklah menguruskan Prosedur Tender Nombor Plat dengan lebih

- teratur dan telus supaya tidak berlaku ketirisan dalam pemberian nombor tender antaranya memaparkan pembida yang memenangi nombor tersebut; dan
- 8.5 JPJ hendaklah menyelaraskan program bersama Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS), National Institute of Occupational Safety & Health (NIOSH) serta agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan dengan keselamatan jalan raya untuk mempertingkatkan keselamatan jalanraya dan penguatkuasaan, sekali gus mengurangkan kadar kemalangan dan kematian di jalan raya.

Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara

**RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA
KIRA-KIRA WANG NEGARA**

RUMUSAN & SYOR
JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

PARA	RUMUSAN
7.1	Aktiviti penguatkuasaan yang dijalankan oleh JPJ adalah memuaskan namun memerlukan penyelarasan yang baik antara agensi lain terutamanya SPAD bagi mengelakkan pertindihan.
7.2	Adalah wajar had kuasa antara JPJ dan SPAD diperhalusi dan dikenal pasti dalam menguatkuasakan APAD dan APJ bagi mengelakkan kerentang birokrasi bagi mempercepatkan proses saman, pengkompaunan dan tindakan yang lain. Ia juga dapat mengurangkan jumlah kes tertunggak.
7.3	Pembangunan sistem mySIKAP adalah perlu digunakan sepenuhnya bagi mencapai objektif yang ditetapkan memandangkan Kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM282 juta di samping ia dapat mempertingkatkan <i>delivery system</i> pada masyarakat.
7.4	Pengurusan Tender Nombor Plat perlu ditambah baik bagi mempertingkatkan ketelusan Kementerian. Adalah wajar kaedah tender ini dikaji semula antaranya mendedahkan nama individu yang memenangi tender berkenaan. Ia dapat mengelakkan persepsi negatif di kalangan masyarakat. Selain itu Jawatankuasa menyambut baik inisiatif JPJ bagi membangunkan sistem <i>eBidding</i> bagi menggantikan kaedah tender secara manual.

PARA	SYOR
8.1	Memohon kajian semula aktiviti dan bidang kuasa JPJ supaya tiada berlaku pertindihan fungsi SPAD dan fungsi JPJ;
8.2	Meminta Kementerian Kewangan mengambil maklum atas permohonan peruntukan penyelenggaraan bagi semua pejabat JPJ termasuk SPK contohnya SPK Telipok yang dianggarkan berjumlah RM1 juta yang masih tidak diluluskan untuk membaiki kerosakan;
8.3	Pembangunan sistem mySIKAP hendaklah diuruskan dengan baik dan cekap supaya tidak berlaku pembaziran serta objektif pembangunan sistem tersebut dapat dicapai;
8.4	Sebelum pelaksanaan <i>eBidding</i> , JPJ hendaklah menguruskan Prosedur Tender Nombor Plat dengan lebih teratur dan telus supaya tidak berlaku ketirisan dalam pemberian nombor tender antaranya memaparkan pembida yang memenangi nombor tersebut;
8.5	JPJ hendaklah menyelaraskan program bersama Malaysian Institute of Road Safety Research (MIROS), National Institute of Occupational Safety & Health (NIOSH) serta agensi-agensi Kerajaan yang berkaitan dengan keselamatan jalan raya untuk mempertingkatkan keselamatan jalanraya dan penguatkuasaan, sekali gus mengurangkan kadar kemalangan dan kematian di jalan raya.

AGENDA MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA

- Bilangan 40/2014 pada Rabu 5 November 2014

MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BIL 40/2014 PADA RABU 5 NOVEMBER 2014
DI BILIK JAWATANKUASA 1, BANGUNAN PARLIMEN

TARIKH / HARI / MASA	PERKARA	KEMENTERIAN/ JABATAN/ AGENSI TERLIBAT
5 Nov 2014 (Rabu)		
11.00 pagi	Pengurusan Aktiviti Penguatkuasaan	<ol style="list-style-type: none"> 1. Kementerian Pengangkutan 2. Jabatan Pengangkutan Jalan

LAPORAN PROSIDING

- Bilangan 40/2014 pada Rabu 5 November 2014

**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
BILIK MESYUARAT JAWATANKUASA 1,
PARLIMEN MALAYSIA**

RABU, 5 NOVEMBER 2014

AHLI-AHLI JAWATANKUASA

Hadir

- YB. Datuk Nur Jazlan bin Mohamed [Pulai]
YB. Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]
YB. Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]
YB. Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]
YB. Datuk Madius bin Tangau [Tuaran]
- *Pengerusi*
- *Timbalan Pengerusi*

Tidak Hadir [Dengan Maaf]

- YB. Datuk Seri Reezal Merican [Kepala Batas]
YB. Puan Mas Ermieyati binti Samsudin [Masjid Tanah]
YB. Dato' Kamarul Baharin bin Abbas [Telok Kemang]
YB. Tuan William Leong Jee Keen [Selayang]
YB. Datuk Liang Teck Meng [Simpang Renggam]
YB. Tuan Haji Hasbi bin Haji Habibollah [Limbang]
YB. Datuk Wee Jeck Seng [Tanjong Piai]
YB. Tuan Tony Pua Kiam Tee [Petaling Jaya Utara]
YBhg. Datuk Roosme binti Hamzah
- *Setiausaha*

URUS SETIA

- Encik Amisyahrizan bin Amir Khan [Ketua Penolong Setiausaha (Perundangan dan Prosiding)]
Encik Nasrul Izani bin Ramli [Penolong Setiausaha I
(Perundangan dan Prosiding)]
Encik Ahmad Johan bin Mohd. Afandi [Pegawai Khas Pengerusi Jawatankuasa]
Cik Fatin Izzati binti Mohd. Radzi [Jurubahasa Serentak II]

HADIR BERSAMA

Jabatan Audit Negara

- Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan]
Puan Nik Norwati binti Nik Harun [Penolong Pengarah Audit]
Encik Abdul Rahman bin Abdul Hadi [Penolong Juruaudit]

Kementerian Kewangan

- Encik Rosli bin Yaakub [Timbalan Setiausaha Bahagian]
Puan Faridah Nor binti Mohd Yasin [Ketua Penolong Setiausaha (Parlimen & Kabinet) 2]

samb/-

HADIR BERSAMA (samb/-)

Jabatan Akauntan Negara

Puan Maslina Kamarudin [Ketua Penolong Pengarah (Kanan)]

Jabatan Perkhidmatan Awam

Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir [Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Perkhidmatan,
Jabatan Perkhidmatan Awam]

Unit Perancang Ekonomi

Dr. Zunika Mohamed [Timbalan Pengarah Seksyen Infra]

SAKSI-SAKSI

Kementerian Pengangkutan

YBhg. Datuk Ruhaizah binti Mohamed Rashid [Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan) MOT]

YBhg. Dato' Ismail bin Ahmad [Ketua Pengarah JPJ]

YBhg. Dato' Haji Arifin bin Che Mat [Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan)]

YBhg. Dato' Che Ab. Rahim bin Che Daud [Pengarah Pelesenan Kenderaan JPJ]

YBhg. Dato' Baharuddin Mohammed [Pengarah (IT)]

Encik Jaafar bin Mohamed [Pengarah Penguatkuasa JPJ]

Encik Kamaruddin bin Mohamad [Pengarah Kewangan JPJ]

Puan Norihan binti Mohamed Naim [Pengarah Pengurusan JPJ]

Encik Kifli Ma Hassan [Ketua Unit Operasi JPJ]

Encik Syamir bin Mohammad Yusoff [PSU (Pengangkutan Jalan) MOT]

Encik Shaharudin bin Osmin [Penolong Pengarah]

Puan Nadia Tulos [Timbalan Pengarah (P)]

LAPORAN PROSIDING**MESYUARAT JAWATANKUASA KIRA-KIRA WANG NEGARA
PARLIMEN KETIGA BELAS, PENGGAL KEDUA****Rabu, 5 November 2014****Bilik Mesyuarat Jawatankuasa 1, Parlimen Malaysia, Kuala Lumpur****Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.44 petang****[Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan bin Mohamed
mempengerusikan Mesyuarat]**

Tuan Penggerusi: Selamat petang saya ucapkan kepada Yang Berhormat Timbalan Penggerusi dan Jawatankuasa PAC dan wakil daripada Jabatan Audit Negara dan kementerian-kementerian.

Pada hari ini kita akan memanggil Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan untuk mendapat penjelasan daripada mereka mengenai isu yang ditimbulkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, Tahun 2013, Siri 2 iaitu mengenai Pengurusan Aktiviti Penguatkuasaan JPJ terutama dari segi kelewatan penyiapan kertas siasatan, penguatkuasaan terhadap kenderaan yang diberikan pengecualian *International Circulation Permit* dan juga rekod bagi operasi penguatkuasaan yang tidak diselenggarakan dengan lengkap, dan stesen penguatkuasaan dan stesen kawalan sempadan yang telah ditubuhkan tanpa waran perjawatan.

Isu ini pun sebenarnya ada perkaitan dengan pelaksanaan mySIKAP, sistem IT mySIKAP dalam JPJ yang banyak desas desus mengatakan bahawa ia tidak dilaksanakan dengan baik dan tidak berfungsi dengan baik. Syarikat yang membangunkan sistem mySIKAP ini adalah HeiTech Padu anak syarikat PNB lah dulu... [Bertanya kepada pegawai berkaitan] Dulu anak syarikat PNBlah yang HeiTech Padu itu. Sudah diprivatez kepada pengurusan PNB kan?

Selepas itu satu perkara yang saya rasa kita boleh tanya JPJ hari ini adalah mengenai isu yang hangat timbul pada bulan lepas iaitu mengenai isu tender nombor plat yang telah dipertikaikan terutama dari segi pencerahan ataupun *revelation* kepada siapa nombor tersebut telah di- siapa yang membeli nombor tersebut. Ada yang diumumkan, ada yang dirahsiakan dan sebagainya.

Elok juga kalau kita tanya juga mengenai proses tender tersebut kerana yang dilaporkan di dalam laporan surat khabar, tender nombor plat ini tiap-tiap tahun mendapatkan hasil sebanyak RM400 juta kepada kerajaan. Jadi ini juga merupakan satu sumber hasil yang besar juga kepada kerajaan. Kita pun hendak tahu sama ada ketirisan juga dalam proses ini walaupun ia ditenderkanlah, dan kenapa nama beberapa pemenang tender nombor plat itu dirahsiakan dan sebagainya.

Kalau hendak tanya pasal AES pun boleh selitkan jugalah mengenai perkembangan sistem AES yang dulu hangat dipertikaikan juga, selepas itu sekarang ini senyap sahaja. Bila JPJ sudah ada, kita ambil peluanglah tanya.

Jadi sebelum kita mulakan prosiding pada hari ini, minta Jabatan Audit Negara untuk *refresh* sikit memori kita.

2.48 ptg.

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad [Pengarah Sektor Audit Kerajaan Persekutuan, Jabatan Audit Negara]: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh*, salam sejahtera dan selamat petang Yang Berhormat Datuk Nur Jazlan, Pengerusi Jawatankuasa Kira-kira Wang Negara, Yang Berhormat Timbalan Pengerusi, Ahli-ahli Yang Berhormat, Dato'-Dato' dan ahli mesyuarat sekalian.

So Tuan Pengerusi, kita ada lebih kurang sembilan isu tapi yang lain bawah itu adalah isu-isu yang ringanlah. Saya terus pergi ke skop pengauditan.

Di sini kita melaksanakan pengauditan terhadap aktiviti penguat kuasa Jabatan Pengangkutan Jalan yang dilaksanakan dari tempoh 2011 hingga 2013. Operasi yang terlibat adalah Operasi Harian; Operasi Bersepadu; Operasi Motosikal – motosikal ini dia fokus kepada motosikal sahajalah; Operasi Pengarah yang mana dihadiri oleh pengarah dipanggil Operasi Pengarah; Operasi Terminal Bas; Stesen Penguatkuasaan; Operasi Lebih Muatan; dan Operasi Musim Perayaan. Ini kita fokus. Next.

[Pembentangan merujuk paparan slaid]

Skop pengauditan kita, pengauditan dijalankan di Putrajaya di Bahagian Penguatkuasaan, di Kelantan, Selangor, Sabah, Perak dan Wilayah Persekutuan. Sebanyak enamlah.

So, isu pertama kita adalah berkenaan pencapaian Petunjuk Prestasi Utama. *In fact*, Kelantan ini mungkin satu tapi di Perak ini kalau kita tengok, banyak KPI yang tidak tercapailah. Contohnya Operasi Pengarah, Pinjaman Bas Ekspres, Pinjaman Bergambar dan juga Lebih Muatan kalau banding dengan negeri lain. Next.

■1450

Isu kedua kita ialah berkenaan dengan kuasa JPJ terhadap kesalahan di bawah Akta Pengangkutan Awam Darat. Di sini Yang Berhormat Tuan Pengerusi, kalau sebelum SPAD ditubuhkan dahulu, JPJ mempunyai kuasa di bawah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan. Ini bermakna JPJ apabila buat sekatan jalan raya bila terdapat lebih muatan JPJ akan mengeluarkan saman serta-merta. Akan tetapi dengan penubuhan SPAD, Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan ini letak di bawah kuasa SPAD. Apabila diletakkan di bawah kuasa SPAD, bila JPJ menahan, mereka tidak ada kuasa untuk mengeluarkan saman.

Di bawah peruntukan APAD 2010, mereka perlu menyediakan Kertas Siasatan sebelum mendapat keizinan bertulis daripada Pendakwa Raya. Pendakwa Raya ini idea kadang-kadang digunakan yang negeri dan kadang-kadang pendakwa raya SPAD. SPAD tidak mahu melaksanakan tugas ini kerana dikatakan JPJ yang menahan. So JPJ yang kena buat kertas tetapi pendakwaan dan kompaun dilaksanakan oleh SPAD. Akan tetapi cuma di Semenanjung. Di Sabah dan Sarawak masih ada lagi *the old system*. Maknanya masih lagi JPJ mempunyai kuasa di bawah Akta Lembaga Pelesenan Kenderaan Perdagangan yang masih boleh mengeluarkan saman... *[Disampuk]* Ya, Semenanjung sahaja.

Akibat daripada penukaran peraturan ini, maka kelewatanlah menyediakan Kertas Siasatan. JPJ tidak ada kuasa lagi. Sebanyak 312 Kertas Siasatan kita dapat daripada 2,120 Kertas Siasatan yang dibuka, hanya dapat disiapkan ya. Ia sedikit sangat dan menunjukkan masih terdapat kes yang masih tertunggak. Terdapat sebanyak 112 Kertas Siasatan yang di- semasa lawatan kami pada bulan Julai telah siap diserahkan kepada SPAD untuk tindakan tetapi JPJ tidak ada kuasa sama ada SPAD akan meneruskan tindakan atau tidak. Ini satu kelemahanlah di bawah peraturan baru ini.

Ini adalah status kenderaan Kertas Siasatan yang menunjukkan masih banyak lagi tertunggak walaupun telah diserahkan kepada SPAD tetapi mereka tidak boleh mengarahkan SPAD mengambil tindakan dengan segeralah.

Tuan Pengerusi: SPAD ini pula anggotanya ada diambil daripada JPJ atau tidak ataupun memang mereka tubuhkan...

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Daripada Lembaga Pelesenan itu diambil.

Tuan Pengerusi: Oh! daripada Lembaga Pelesenan punya anggota semua dia ambil?

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Ya kerana dia ambil- JPJ dia tidak ambil tetapi ia melantik penguatkuasaan baru.

Tuan Pengerusi: Melantik penguat kuasa baru?

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Ya dia ada polisi.

Tuan Pengerusi: Penguatkuasaan yang ada di bawah LPKP semua pindah pergi SPAD?

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Dia juga mendapat peruntukan tambahan kerana SPAD adalah di bawah badan berkanun. Ini juga diaudit oleh kami.

Isu keempat adalah berkenaan dengan penguat kuasa terhadap kenderaan yang diberi pengecualian permit peredaran antara masa iaitu *International Circulation Permit* yang tidak dapat ditentukan. Ini banyak berlaku di Stesen Kawalan Sempadan di sebelah utara iaitu di Perlis. Kalau mengikut syarat, kereta-kereta Thailand yang masuk, ia hanya boleh masuk sehingga dua kilometer sahaja tanpa permitlah maknanya. Selepas itu kena keluar permit. Jadi pegawai pengangkutan jalan yang ditempatkan di Stesen Kawalan Sempadan itu tidak melaksanakan aktiviti penguatkuasaan tetapi diserahkan kepada pegawai pengangkutan jalan di negeri atau cawangan.

Maka mereka ini pun tidak mempunyai satu kaedah pemantauan yang mana mereka yang masuk ini balik atau tidak. Ia tidak ada penguatkuasaan itu. Pegawai pengangkutan di Stesen Kawalan Sempadan ini tidak diberi tanggungjawab, dia kata kerana penguatkuasaan ini akan terdedah kepada risiko dan ancaman keselamatan mengikut merekalah.

Okey, next. Jadi semasa pengauditan kami tidak dapat menentu penguatkuasaan secara khusus yang dijalankan terhadap kenderaan asing yang diberi pengecualian memasuki kawasan sempadan tanpa ICP dalam jarak dua kilometer. Terdapat juga kemungkinan bahawa kenderaan-kenderaan ini telah membelaikan undang-undang dan mereka mungkin masuk lebih daripada dua kilometer kerana tidak ada penguatkuasaan khusus. Cuma dari semasa ke semasa bila ada sekatan jalan raya kita boleh trace dapatkan mereka inilah.

Isu kelima ialah berkenaan dengan laporan atau rekod operasi penguatkuasaan yang tidak disenaraikan atau diselenggarakan tidak lengkap. Ini rekod bagi enam operasi iaitu lebih muatan, Terminal Bas Bersepadu, motosikal, pengarah dan operasi musim perayaan, tidak diselenggarakan dengan lengkap. Di sini kita lihat bahawa macam lebih muatan, ya. Lebih muatan sebanyak 53 kes seperti yang dilaporkan dalam negeri Kelantan adalah berdasarkan kepada jumlah IP yang melibatkan proses. Walau bagaimanapun, maklumat-maklumat ini tidak lengkap diisi. Sebab-sebabnya ialah pertukaran pegawai, JPJ tidak meniaga statistik saman. Mereka ada sebabnya.

Tuan Pengerusi: Tidak faham. Patutnya kalau maklumat ini semua sudah ada dalam sistem mereka, mereka sudah boleh bekalkan kepada mereka punya penguat kuasa yang tahan yang terlibat dalam operasi ini.

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Ada tetapi kita tidak pasti adakah itu yang sebenarnya kerana ada yang tidak rekod. Semasa lawatan kami itu ada maklumat-maklumat yang tidak rekod. Macam muatan lebih, maknanya mereka tidak boleh menyediakan IP sebab daftar di penguatkuasaan di jabatan itu sendiri.

Tuan Pengerusi: Ini kerana mereka suruh negeri pergi lihat?

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Bukan. Bila pegawai penguatkuasaan ini menahan lori lebih muatan, beliau perlu mendapat maklumat-maklumat. Kemudian beliau perlu balik dan menyediakan IP. Dia tidak menyediakan IP tetapi ada satu daftar masukkan rekod-rekod ini. Daftar itu yang tidak kemas. Bila kita cek ada yang tidak dimasukkan lagi.

Tuan Pengerusi: Masih isi manual lagi pakai buku daftar. Jadi yang berkaitan dengan mySIKAP itu apa?

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: MySIKAP mereka tidak masukkan lagilah.

Tuan Pengerusi: Dalam penemuan audit *you* ini, laporan di page 6.5, penemuan Audit ini yang laporan ringkas ada tulis di sini rekod bagi operasi lebih muatan bersepadu motosikal operasi mengarah dan semua ini tidak diselenggarakan dengan lengkap.

Laporan juga tidak dapat dijana melalui sistem keselamatan amalan pemandu iaitu mySIKAP. Ini ada kaitankah? Maknanya sistem mereka sudah ada?

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Sistem sudah ada.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi mereka masih lagi simpan manual.

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Sebab sistem mySIKAP itu masih tidak boleh dipercayai. Mereka tidak menggunakan sepenuhnya. Maknanya *they still depend on manual*.

Tuan Pengerusi: Oh! Itu boleh tanya itu sama ada mereka sengaja tidak mahu pakai atau apa.

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Ya. *They are still- because they have to key in-* patut selepas dia buat itu dia terus *key in* dalam mySIKAP, dan tidak perlu ada daftar lagi.

Tuan Pengerusi: Ya, betullah. Baru faham sedikit isu ini.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Rasanya tidak. Ia adalah untuk JPJ...

Tuan Pengerusi: So SPAD simpan maklumatnya pakai sistem lainlah?

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Oh! okey.

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Linenya.

Tuan Pengerusi: Jadi sekarang ini bila mereka buat operasi, mereka tahan tetapi yang dakwanya orang lain pun sudah jelaslah dia punya masalahnya. Ini kerana JPJ di bawah kementerian, SPAD *suppose to be independent*, bukan?

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Ada satu ini macam bersepada, motosikal, dan pengarah ini, tiada statistik penguatkuasaan sesuatu operasi secara berasingan dijana oleh sistem majikan. Sebaliknya, ia dimasukkan terus ke dalam statistik penguatkuasaan secara bulanan. Maknanya ia tidak ada menjanakkannya ya daripada mySIKAP ini.

Tuan Pengerusi: Maknanya dia *still* rekod manuallah.

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Ya. Isu seterusnya ialah berkenaan penubuhan pejabat tanpa waran perjawatan. Kes ini saya rasa telah dibawa kepada JPA untuk siasatan. Ini terdapat sembilan SPK dan empat SKS yang ditubuhkan tanpa waran perjawatan. Tiada bukti JPJ memohon perjawatan daripada Jabatan Perkhidmatan Awam bagi penubuhan jabatan-jabatan tersebut.

■1500

Tuan Pengerusi: Bagaimana dia tubuhkan jawatan tetapi jawatan itu tidak...?

Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir [Timbalan Pengarah Kanan Bahagian Perkhidmatan, Jabatan Perkhidmatan Awam]: Tuan Pengerusi, selalunya apabila satu jabatan, dia boleh memohon perjawatan dan apabila diluluskan, sepatutnya dia boleh membuat pengisian dan sebagainya, *redeploy*.

Akan tetapi bagi kes JPJ ini, walaupun perjawatan dia ada tetapi pejabat yang sepatutnya ditubuhkan itu tidak ada, dia tidak buat lagi. So dia *redeploy* kakitangan itu kepada tempat yang perancangan awalnya memang tidak ada, tetapi keperluan ada. So dia *refer* di sitolah. Walau bagaimanapun, perkara ini kita sudah selaraskanlah. Makna... *[Disampuk]* Yes. Dan juga, selalunya amalan untuk, dipanggil pertukaran secara pentadbiran. Itu kebanyakan dibuat. Sebenarnya dari segi amalan memang tidak boleh.

Tuan Pengerusi: Itu di antara JPJ sendiri ataupun di antara kementerian?

Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir: Dalam.

Tuan Pengerusi: *Internal transfer?*

Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir: Ya. Pejabat itu tidak ada, tetapi dia ambil kakitangan ke sana.

Tuan Pengerusi: Maknanya gred kerja untuk seksyen itu tidak ada, tetapi dia *just transfer*.

Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir: Yes. Dia *create* itu. Itu sebenarnya amalan itu tidak boleh, tetapi mungkin ada sebab yang memerlukan dia berbuat begitu.

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Ini ada antara...

Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir: Ini selalunya, selain daripada JPJ, katakanlah contohnya institut pengajian. Apabila dia punya pembinaan diluluskan oleh EPU contohnya, ada projek, maknanya dia boleh memohon perjawatan. Jadi kita telah meluluskan berdasarkan 7% or whatever. Akan tetapi bagi kes ini, apabila dia dapat jawatan, dia tidak ada *deploy*kan. Inilah masalahnya Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Mereka ini disimpan di mana?

Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir: Di ibu pejabat dan itulah *dideploy*kan ke tempat-tempat yang baru yang belum diluluskan lagi perjawatannya. Belum ada cadangan pun untuk memohon...

Tuan Pengerusi: Akan tetapi mereka datang kerja?

Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir: Datang kerja, bayar gaji apa semua, tetapi...

Tuan Pengerusi: Takut pasal mereka tidak ada tugas lagi, mereka tidak kerja.

Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir: Masalah dari segi keselamatan. Bagi kakitangan kerajaan- maknanya mungkin tidak ada isu timbul. Akan tetapi kalau swasta, maknanya *commute* ke tempat kerja kita, kalau *accident* apa semua membuat tuntutan insurans, PERKESO contohnya, tidak dibenarkanlah kerana tidak ada- akan tetapi kerajaan ini... *[Disampuk]*

Saya tidak kata boleh. Sebenarnya tidak boleh pun yang ini... *[Disampuk]* Kalau tidak ada ini, masalahnya tidak ada kes, tidak ada kemalangan dan sebagainya... *[Disampuk]*

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Ini stesen penguatkuasaan yang di LEKAS utara, LEKAS selatan, SKVE timur, SKVE barat ini maknanya perjawatannya ada, pejabatnya belum ada.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Kenapa itu? *Highway* semua ini bertahun-tahun ini. *By the time* dia mula bina, hendak siap, saya ingat tidak kurang daripada tiga tahun. Saya percaya perjawatan itu pun sudah *decide* sekurang-kurangnya pun dua atau tiga tahun awal. Kenapa berlaku begitu? Peruntukan atau tidak pernah ada dalam bajet peruntukan untuk pejabat itu, selalunya begini kenapa?

Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir: Ini kemungkinan dia tidak mohon pun, tetapi keperluan dia ada, macam *highway*. Akan tetapi dia dari segi perancangan kebanyakannya, ini kita perlu tanya mereka jawab pasal apa...

Tuan Pengerusi: Perancangan mereka lemahlah.

Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir: Yes. Antaranya bila di jabatan untuk perjawatan dan sebagainya, dia perlu merujuk kepada kementerian. Jadi, *communication* itu. Kemungkinan di peringkat jabatan dia memerlukan, tetapi dibawa balik ke kementerian, kemungkinan kementerian ada perkiraan lain. Jadi perlu...

Tuan Pengerusi: Agaknya JPJ ini sudah tidak ada kerja agaknya. Pasal apa, dari segi *check* kereta, Puspakom sudah buat. Dari segi penguatkuasaannya, SPAD sudah buat. Jadi, mereka ini agaknya kurang motivasi hendak kerja mungkin sebab dia punya bidang skop sudah kecil.

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

[Pembesar suara dimatikan]

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Akan tetapi maknanya, masa dia buat justifikasi itu kepada JPA, justifikasinya *must be* kukuhlah sehingga JPA boleh lulus perjawatan ini. Biasanya JPA tidak tanya ada pejabat atau tidak, *because* biasanya pejabat akan datang kemudian.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir: Akan tetapi kes ini, yang timbul ini kerana memang ofis itu ada, butiran pejabat itu ada, dan keperluan kakitangan itu ada. Akan tetapi bila diluluskan semua, ofis itu belum dibina. So, dia ada akseslah di situ. Itu yang dia *redeploy*. Jadi dari segi...

Tuan Pengerusi: Ini tidak masuk yang *lab* yang PEMANDU buat itulah?

Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir: Tidak.

Tuan Pengerusi: Tidak masuk ya. Kalau PEMANDU sudah lihat benda ini dalam *lab* dia, saya rasa PEMANDU pun boleh disalahkan. Yang Berhormat Kulim-Bandar Baharu sukalah kalau salahkan PEMANDU.

Beberapa Ahli: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Tidak. Salah satu daripada syarat lebuh raya ini, apabila dia membina lebuh raya, mereka perlukan SPK ini, pejabat SPK ini sepatutnya. So, kemungkinan perjawatan itu diminta tetapi lebuh raya ini dia tidak serah kepada JPJ.

Tuan Pengerusi: Itulah, untuk saya pun, pejabat sudah ada.

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Pejabat sudah ada, mereka...

Tuan Pengerusi: Sudah ada, sudah siap semua sudah. Setiap *highway* yang dibuat sekarang ini sudah ada pejabat dia. Itu yang pelik itu.

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Seterusnya, ini berkenaan dengan bekalan elektrik di SPK Segama, Lahad Datu, Sabah. Kita dapat bahawa pejabat ini masih belum dilengkapi dengan bekalan elektrik. Bekalan elektrik yang sedia ada diperoleh sepenuhnya daripada set generator yang telah mula beroperasi daripada tahun 1995 dan bekalan petrol diperoleh dari Lahad Datu yang jaraknya 36 kilometer. Ini adalah kesusahan yang dihadapi oleh pejabat SPK ini. Satu generator yang dibekalkan pada tahun 1995 pun sudah rosak masa lawatan kita tempoh hari.

Tuan Pengerusi: Untuk bekalan elektrik Sabah ini pun patut kita tengok juga. Pasal apa, pelik ya. Pelik kenapa Sabah teruk sangat sampai 36 kilometer pun tidak ada sambungan elektrik. Bukan kita hendak tambah kerja Audit, tetapi boleh lihat tidak mengenai isu bekalan elektrik Sabah ini?...
[Ketawa]

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Mungkin kita boleh minta Audit Sabah tengok.

Tuan Pengerusi: Buat satu kajian menyeluruh mengenai bekalan elektrik di Sabah inilah, mengapa terputus dan sebagainya.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Puan Saadatul Nafisah binti Bashir Ahmad: Ini pun begitu jugalah... *[Merujuk kepada slaid pembentangan]* Generator yang kerap rosak dan telah- walaupun pada tahun 2013 mereka telah mendapat peruntukan sebanyak RM15,000 untuk pembaukannya.

Ini penyelenggaraan jalan keluar masuk dari SPK Telipok... *[Merujuk kepada slaid pembentangan]* Kita dapat bahawa keadaan jalannya sangat teruklah – banjir, rosak. Jadi, satu jalan sahaja untuk lori jalan masuk dan keluar. Ini menyukarkan juga pemandu dan mengganggu kerja penimbangan kenderaan.

JPJ Negeri Sabah telah mengemukakan permasalahan takungan air di Stesen Penguinkuasa Telipok ini kepada Setiausaha Persekutuan Sabah. Walau bagaimanapun, permohonan penyenggaraan untuk kerja pembaukan jalan masuk dan keluar Stesen Penguinkuasa Negeri Sabah kepada Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah telah dibuat pada 15 Februari 2013. Jadi, selepas auditan Jabatan Audit lah.

■1510

Inilah jalan-jalannya... [Ketawa] Jadi Yang Berhormat, itu sahajalah antara isu-isu yang kita bangkitkan.

[Saksi-saksi daripada Kementerian Pengangkutan dan Jabatan Pengangkutan Jalan mengambil tempat di hadapan Jawatankuasa]

3.11 ptg.

Tuan Pengerusi: Selamat petang saya ucapan kepada Yang Berbahagia Datuk Ruhaizah binti Mohamed Rashid, Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan) MoT, Yang Berbahagia Dato' Ismail bin Ahmad, Ketua Pengarah JPJ dan Yang Berbahagia Dato' Haji Arifin bin Che Mat, Timbalan Ketua Pengarah (Pengurusan).

Pada hari ini PAC memanggil Kementerian Pengangkutan dan juga JPJ untuk mendapatkan penjelasan mengenai isu yang ditimbulkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, Tahun 2013, Siri 2, berkenaan dengan kelemahan dari segi perancangan perjawatan, penyimpanan maklumat untuk membantu dalam penyiapan kertas siasatan penguatkuasaan, penguatkuasaan mengenai kenderaan yang diberi pengecualian *International Circulation Permit* dan juga rekod-rekod bagi operasi penguatkuasaan yang dijalankan oleh JPJ tidak di selenggara dengan lengkap dan perjawatan yang ditubuhkan di Stesen Penguatkuasaan dan Stesen Kawalan Sempadan yang telah ditubuhkan tanpa waran perjawatan. Jadi secara keseluruhan isunya adalah berkenaan dengan penguatkuasaan JPJ.

Tadi kita juga telah menerima sedikit taklimat daripada Jabatan Audit Negara yang juga menyentuh mengenai masalah sistem yang dibangunkan oleh JPJ iaitu mySIKAP, sistem kawalan amalan pemandu yang tidak mampu memberikan maklumat kepada pihak penguatkuasaan untuk digunakan untuk membuat kertas siasatan. Kami dimaklumkan tadi bahawa rekod yang disimpan ini juga masih lagi disimpan secara manual di sesetengah tempat dan kami juga hairan kenapa sistem mySIKAP ini tidak dibangunkan supaya *be a real time* dan maklumat mengenai pendaftaran kenderaan dan sebagainya yang penting untuk menyediakan kertas siasatan dapat diakses secara langsung oleh pegawai-pegawai penguatkuasaan.

Sebelum itu saya hendak maklumkan. Datuk Ruhaizah, sebenarnya PAC kalau kita panggil, kita panggil pegawai pengawal datang dan pegawai pengawal adalah KSU. Akan tetapi kami dimaklumkan bahawa KSU kementerian, Dato' Long akan bersara pada 18 November ini dan beliau sekarang ini dalam cuti. Hari itu dalam PAC pun kita cakap dengan dia kita hendak kasihan kepada dia, tidak hendak panggil untuk datang. Memang sepatutnya prosiding ini dibuat pada saya rasa dua minggu lagi.

Akan tetapi pasal itu nombor plat yang baru-baru ini ada timbul yang terpapar di media sosial, di media biasa pun, sebab itu kami mengambil keputusan untuk memanggil lebih awal JPJ untuk memberikan penjelasan mengenai isu tender nombor plat ini dan juga kenapa ketelusannya dari segi pencerahan nama pemenang tender dan sebagainya perlu dirahsiakan, sampai menimbulkan keraguan dalam kalangan rakyat. Kita juga memandang berat mengenai perkara ini pasal perolehan hasil oleh JPJ setiap tahun seperti yang dimaklumkan oleh Ketua Pengarah JPJ baru-baru ini adalah RM400 juta, kalau tidak silap saya salah, yang saya baca.

■1520

Datuk jangan risau, Datuk. Datuk kata PAC macam bertanyakan perkara ini terlalu- jangan dibuat secara terbuka di media. Akan tetapi, saya pada ketika itu sebagai Pengerusi PAC, terpaksa buat kenyataan tersebut pasal itu panas. Bukan kerana kita menuduh JPJ salah, tidak, tetapi kerana isu itu panas.

Berkenaan dengan isu yang ditimbulkan dalam Laporan Ketua Audit Negara, sebab itu kita minta JPJ sediakan jugalah penjelasan mengenai isu tender nombor plat itu lah pada hari ini. Jadi saya rasa elok jugalah kita tumpukan kepada kedua isu ini supaya kita dapatkan penjelasan yang lebih jelas mengenai isu ini.

Jadi sebagai biasa, Datuk Ruhaizah pernah datang prosiding PAC tak?... Pernah kan?

Datuk Ruhaizah binti Mohamed Rashid [Timbalan Ketua Setiausaha (Perancangan) Kementerian Pengangkutan]: Tak pernah. *This is my first time.*

Tuan Pengerusi: Tak pernah? Okey. *This is your first time* ya. *The rule is* selalunya kita minta mereka datang bagi penjelasan untuk memperkenalkan pasukan yang datang pada hari ini, lepas itu kita minta berikan taklimat dulu. Lepas itu tengok macam mana prosiding, kalau ada Ahli nak tanya soalan mencelah ini, boleh, tetapi eloknya kalau kita habiskan dulu taklimat baru kita tanya soalan.

Kalau ada perkara yang tak nak diumumkan kepada awam, tutup *Mike* dan kalau perkara-perkara yang nak dimaklumkan secara langsung, buka *Mike*. Pasal, setiap mikrofon ini akan merekodkan segala percakapan kita dan akan dibukukan dalam *Hansard*. Jadi kalau ada perkara yang sensitif, tutup *Mike* kalau tak mahu disebarluaskan, tutup *Mike*. Kalau tak ada masalah, buka *Mike*.

Kalau boleh dalam penjelasan ini juga, kita nak tahu juga, apakah peranan SPAD dengan JPJ ini yang nampaknya ada juga pertelingkahannya dari segi pendakwaan itu dan sebagainya ya, ada pertindihan. Jadi, *be frank*. Kalau ada masalah pun jangan risau. *Be frank*. Kita nak bantu juga untuk nak selesaikan masalah yang ada dari segi operasi JPJ dan juga kementerian ya. Jadi, saya ucapkan terima kasih dan saya minta Datuk teruskan.

Datuk Ruhaizah binti Mohamed Rashid: *Bismillahi Rahmani Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih terlebih dahulu Yang Berhormat Tuan Pengerusi.

First of all, before saya mulakan, saya nak memperkenalkan wakil-wakil yang ada di sini. Saya sebagai Timbalan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan juga memohon maaf bagi pihak Datuk Seri Long sebab Datuk Seri Long walaupun beliau bercuti, tetapi selalunya kalau beliau berada di Kuala Lumpur, dia akan terus datang. Akan tetapi, buat masa ini beliau berada di Turki.

Tuan Pengerusi: Kirim salam pada dia.

Datuk Ruhaizah binti Mohamed Rashid: *Insya-Allah... [Ketawa]* Jadi bersama saya ialah KP JPJ, Dato' Sri Ismail dan di sebelah kanan saya ialah TKP JPJ, Dato' Arifin. Saya juga ada membawa beberapa orang pegawai kanan JPJ dan juga kementerian. So, petang ini apa yang saya akan buat ialah, *first, I am going to give you a bit of overview of what is JPJ dari segi kuasa dan selepas itu kita akan zoom in to the issues yang berbangkit. Then, later on we will go into the issues yang baru dibangkitkan for discussion purposes.*

So, on the overall, let me go to JPJ. JPJ is actually jabatan bawah Kementerian Pengangkutan. JPJ bukan sahaja mempunyai kuasa untuk penguatkuasaan tetapi ada banyak lagi yang ditugas dalam bidang fungsi JPJ. Contohnya, pendaftaran kenderaan, pendaftaran pemandu dan lain-lain bidang, for instance ya, di bawah KA, ia ada untuk vehicle type approval. So, bila sesuatu kenderaan nak dibawa masuk, new model yang hendak dibawa masuk, JPJ merupakan agensi yang mula-mula menguji kenderaan ini sama ada layak dibawa masuk atau tidak. So, that is also part of JPJ punya fungsi. Akan tetapi yang banyak orang tahu ialah penguatkuasaan, pendaftaran kenderaan dan pelesenan pemandu. So, those are the major ones yang memang core function of JPJ.

And then kalau kita tengok daripada bidang kuasa JPJ, kuasa yang ada ataupun daripada perundangan yang diberikan, ada empat perundangan actually yang terlibat dengan JPJ ini. Punca kuasanya adalah, pertama sekali adalah daripada Road Transport Act. Road Transport Act 1987 [Akta 333] ini adalah merupakan keseluruhannya peraturan yang mengawal pengangkutan jalan.

Satu lagi adalah Akta APAD, akta baru atau Akta 715 yang di enforce kalau tak silap saya dalam tahun 2010 di mana wujudnya Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD). So, apabila APAD diwujudkan, sebahagian daripada LPKP punya dulu, undang-undang di bawah LPKP, Akta LPKP dipindahkan ke APAD dan sebahagian daripada Road Transport Act juga dipindahkan kepada APAD terutamanya untuk pengangkutan awam, barang dan komersial. So, anything to do with public transport is now under SPAD. Anything to do with pengangkutan komersial ataupun barang adalah di bawah bidang kuasa SPAD.

So, kita kalau segi peraturannya memang JPJ di bawah RTA itu dah tak ada lagilah. Cuma, sekarang ini kita diberi sedikit untuk bersama-sama SPAD untuk melaksanakan penguatkuasaan. So, masih ada lagi klausa-klausa yang dikekalkan untuk membantu memudahkan aktiviti penguatkuasaan. So, there are some still pre-maintain in RTA to enforce certain laws and regulations.

Satu lagi ialah Akta LPKP. Sekarang ini Akta LPKP sebahagian besarnya dah dipindahkan kepada APAD dan hanya tinggal adalah di Sabah dan Sarawak sahaja. So, di Sabah dan Sarawak, APAD belum masuk ke Sabah, Sarawak because ada banyak lagi yang perlu dilaksanakan di sana, diperbetulkan ataupun diperkemas *before we go over to Sabah and Sarawak. So at the moment* ada dua. SPAD doesn't involve, doesn't wujud, ia tak wujud di Sabah dan Sarawak. LPKP wujud di Sabah dan Sarawak, LPKP dah tak wujud di Semenanjung tetapi APAD wujud di Semenanjung sekarang ini. So, that is why, nanti kalau kita lihat daripada segi bidang kuasa ataupun fungsi SPAD, ia specifically di Semenanjung dan tidak di Sabah dan Sarawak. Mungkin ada juga beberapa klausula-klausula yang tak selari. So, mungkin akan wujud perbezaan. Di situ ada wujudnya perbezaanlah dari segi pelaksanaan undang-undang.

Satu lagi ialah *Road Transport Rules*. Ini adalah merupakan mekanisme untuk melaksanakan peraturan-peraturan yang ditetapkan. Kalau kita hanya menggunakan akta, kita tidak ada proses di bawahnya atau mekanisme untuk melaksanakan akta-akta itu, jadi akan ada wujudnya *loopholes and all those things*. So, *Road Transport Rules and Regulations* adalah merupakan mekanisme yang digunakan untuk melaksanakan aktiviti yang ditetapkan di bawah *Road Transport Act (RTA)*.

Kalau dilihat dari segi perjawatan, *at the moment* ini penguat kuasa sahaja- yang kita tunjuk di sini adalah penguat kuasa sahaja. *This is a numbers that we have*. JPJ seramai 5,358 orang ya, keseluruhan. Jabatan... [Disampuk]

Oh! lama. Sorry. Saya duk ingatkan Jabatan Laut tadi. Sorry, I am confused a bit ini.

Okey, jawatan lama, jawatan baru dan jawatan yang kosong. Okey. Total is 5,358. And then jawatan yang dah diisi adalah 4,584 dan jawatan kosong adalah 774. So, masih ada lagi jawatan yang masih belum diisi tetapi kita dah mendapat warannya. All these adalah perjawatan yang dah ada waran.

And then kita di sini, JPJ ini actually is a part of the *Road Safety Plan*. Kita ada lima tunggak dalam *Road Safety Plan* di mana JPJ melaksanakan aktiviti-aktiviti ini untuk mencapai dua tunggak utama. One is on the vehicle and one is on the user ataupun the pemandu. So, fokusnya ialah kenderaan lebih selamat, pengguna jalan raya yang lebih selamat. So, if you talk about kenderaan, that's where JPJ comes into. Ada Bahagian Automotif menentukan sesuatu kenderaan itu dalam keadaan yang sesuai dan road worthy ataupun boleh digunakan di jalan raya, tidak memungkinkan berlakunya kemalangan.

■1530

Sebab kalau kita lihat kadar kemalangan sekarang, kadar kematian kita agak tinggi di peringkat antarabangsa pun kita antara negara-negara yang mempunyai kadar yang agak tinggi. So, our target for 2015, 2013 kita sudah mencapai 2.9.

Kalau kita bandingkan dengan negara-negara maju, *some of them* adalah *below* dua, satu sahaja kadar kemalangan *fatalities rate index* dari segi indeks. So at the moment, setakat ini kita mampu mengurangkan kepada 2.9, but we want to go down lower as good as kadar yang dicapai oleh negara-negara maju.

Kalau kita lihat dari segi kita punya *forecasting*, kalau kita tidak ada buat apa-apa kita lihat di dalam *slide* yang seterusnya. *Pillar 1 Road Safety Management, pillar 2 safer roads and mobility, pillar 3 safer vehicles, safer road users, and then Post-crash response*. Kalau kita lihat to the *slide* nombor 8. Ini saya hendak tunjukkan ini adalah sebab kalau kita tengok *the projection*, kita ada *line* biru dan disambung kepada *line* merah itu kalau kita tidak ada apa-apa tindakan yang diambil atau tidak apa-apa *intervention*, kadar kematian akan meningkat secara mengikut *line* warna merah yang di hujung itu.

So it would be very high for Malaysia but we are now doing a lot of intervention dan kita mengharapkan dengan intervensi yang kita laksanakan, whereby JPJ is part of the contributor of this action ini, activities ini. Kita akan dapat mengurangkan kadar kematian kepada 50% daripada apa yang kita akan capai because if you look at the kadar itu by 2020, we will achieve 10,000 kita jangkakan, kita akan menghadapi 10,716 kematian. But if we go with the intervention, we puts in all this intervention, insya-Allah kita akan dapat kurangkan kepada 5,358 which is lower than apa yang kita ada sekarang which more than 6,000. So this is our harapan in 2020 that we will achieve this because this is our road safety plan.

Usaha-usaha yang dilaksanakan oleh JPJ I think saya sudah maklumkan tadi to ensure that the vehicle are road worthy, selamat digunakan di jalan raya dan juga to ensure that pemanduan atau pemandu-pemandu juga terlatih, kompeten dan mempunyai pengalaman dan keupayaan yang sesuai untuk mengendalikan kenderaan. Supaya dapat membantu mengurangkan kemalangan di jalan raya.

On top of that, there are also doing the enforcement di mana ia memastikan peraturan-peraturan di patuhi oleh semua pengguna jalan raya walaupun kenderaan berat, kenderaan ringan, kenderaan personel, ataupun vehicle commercial so there are also the party yang akan menentukan that all rules and regulation under Road Transport Act, under APAD dipatuhi oleh pengguna-pengguna jalan raya. So Yang Berhormat, I think we will show you some of the photograph yang kita ada untuk aktiviti. After that we will zoom in Dato KP akan bawa kita kepada issues because I tak nak lengthen dengan just- this are some of the photograph that we have taken during Ops Motosikal. So actually dalam setiap tahun, banyak aktiviti yang dilaksanakan seperti aktiviti penguatkuasaan dilaksanakan oleh JPJ. Cuma ada kalanya orang selalu katakan mana JPJ ini tidak nampak. Sometimes dia keluar malam, sometimes dia keluar siang, orang di pejabat dia keluar buat operasi. Orang tengah tidur, dia keluar operasi and then sometimes dia keluar ke hutan untuk kenderaan-kenderaan berat.

So those are the things that we done, because we cannot be everywhere, everyday because dari segi numbers itu memang tidak mencukupi. So there do not have the numbers, there do not have facilities some times to do enforcement all year round everyday, every hour and so on. Okey.

Tuan Pengerusi: Macam luah perasaan sahaja tadi Datuk cakap?

Datuk Ruhaizah binti Mohamed Rashid: [Ketawa] Tidak, I'm just elaborating. Saya hanya menjelaskan. *But these are some of the activities yang kita memanglah- I think frustration itu ada juga. We want to be effective, we want to be ini tapi sometimes without facilities we cannot be effective. Cuma ialah ada masanya kita terpaksa menelan permasalahan-permasalahan yang kita ada. Okey, these are also some of the photographs nombor plat kita tengok, kita cek nombor plat semua and then ini prestasi penguatkuasaan yang kita telah laksanakan.*

This is actually peruntukan yang membezakan antara APJ, LPKP, dan APAD. So APJ tiada peruntukan khusus, LPKP ini adalah dia punya berbeza yang membeza-bezakan dan juga there are certain things dalam APAD pada saya is actually going back to zaman lama. Contohnya, dari segi penguatkuasaan ialah pengeluaran saman dan tindakan ke mahkamah. Contohnya kalau dulu masa APJ atau Akta Pengangkutan Jalan, JPJ mempunyai kuasa untuk especially overloading. JPJ mempunyai kuasa untuk mengeluarkan saman directly, immediately upon penemuan pengenalan kesalahan yang dilakukan.

Akan tetapi di bawah APAD dia terpaksa membuat kertas penyiasatan dan hantar kepada SPAD untuk tindakan selanjutnya oleh SPAD. So itu yang ada kalanya melambatkan tindakan. Kalau kita di JPJ sorry saya ini kadang-kadang saya bercakap seolah-olah saya masih di JPJ because I was once one TKP JPJ. So in terms of dari segi tindakan itu memang kalau boleh kita hendak shorten the process make it fast, tindakan itu segera. Dulu kita boleh ambil tindakan dalam tempoh tiga bulan tetapi dengan adanya APAD the process is lengthen to six months.

So itu yang kalau dilihat dia punya bilangan kes yang selesai memang banyak berkurangan because of the process and procedure. Alhamdulillah apabila kita merujuk balik kepada Attorney General, Peguam Negara dan baru ini Peguam Negara telah membenarkan dan memberikan kuasa kepada kita untuk meneruskan pengeluaran saman kepada overloading cases immediately seperti mana yang lamalah. Jadi kita tidak perlu mengikut sebagaimana yang dinyatakan dalam APAD. Kuasa itu sudah diberikan balik so that we can take action immediately upon finding the folks and all of things by pegawai penguat kuasa kita.

So next I think saya serahkan kepada Dato' KP untuk bawa kita kepada isu-isu yang dibangkitkan dalam Audit Report. Yang Berhormat Dato' Seri. Terima kasih Datuk.

3.37 ptg.

Dato' Ismail bin Ahmad [Ketua Pengarah JPJ]: Terima kasih Yang Berbahagia Datuk Ruhaizah. Tuan Pengerusi, jadi sukalah saya di sini untuk memberi maklum balas berhubung dengan perkara-perkara yang dibangkitkan oleh audit. Jadi saya terus kepada isu-isu yang dibangkitkan yang pertama sekali perenggan 7.5.1.1 di mana dibangkitkan JPJ telah menetapkan KPI bagi operasi penguatkuasaan mulai tahun 2012. Bagaimanapun bahagian penguatkuasaan ibu pejabat tidak dapat mengukur pencapaian KPI keseluruhan bagi tahun 2012 dengan tepat kerana terdapat JPJ negeri yang tidak memberi maklumat di dalam bentuk angka seperti yang dikehendaki mengikut format KPI.

Yang ini untuk makluman Tuan Pengerusi, berhubung dengan isu-isu KPI ini kita telah bangunkan pada tahun 2014 kita telah menyiapkan KPI yang komprehensif yang baik dan pada masa akan datang saya rasa isu-isu ini tidak berbangkit lagi. Sebelum ini memang isu-isu KPI ini kadang-kadang tidak ada penyelarasian di antara negeri-negeri dan sebagainya dan kita telah adakan kerjasama dengan pihak Universiti Sains Malaysia untuk membangunkan KPI untuk JPJ dan sekarang kita mempunyai KPI yang standard untuk kita guna pakai pada masa akan datang.

■1540

Tuan Pengerusi: Dato', ini tidak masuk dalam *lab* yang PEMANDU buat, ya? PEMANDU kan selalunya dia ada bantu jabatan kerajaan nak buat...

Dato' Ismail bin Ahmad: Tidak termasuk, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: KPI?

Dato' Ismail bin Ahmad: Tidak termasuk, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Oh! Saya ingatkan PEMANDU buat secara keseluruhan, bukan? Tak ada, ya?

Dato' Ismail bin Ahmad: Tak ada.

Tuan Pengerusi: JPJ langsung tidak di...

Dato' Ismail bin Ahmad: Tidak dijemput.

Tuan Pengerusi: Tidak dijemput dan tidak diservislah oleh PEMANDU ini?

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya.

Tuan Pengerusi: Okeylah. Kami anggap semua sekali jabatan kerajaan...

Dato' Ismail bin Ahmad: Tidak. So, kita bangunkan sendiri, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Ismail bin Ahmad: Kita bangunkan sendiri KPI kita dengan kerjasama Profesor Farahan dari USM.

Perkara yang kedua Tuan Pengerusi, berhubung dengan perenggan 7.5.2.1 yang dinyatakan tiada saman yang dikeluarkan secara terus ataupun langsung berkaitan dengan kesalahan lebih muatan sejak berkuat kuasanya APAD 2010 di Semenanjung.

Ini kerana peruntukan APAD 2010 telah menetapkan keperluan menyediakan kertas siasatan sebelum mendapatkan keizinan bertulis daripada pendakwa raya bagi tujuan pendakwaan dan pengkompaunan.

Bagi kesalahan lebih muatan di Sabah, Sarawak, dan Wilayah Persekutuan Labuan, saman boleh dikeluarkan terus tanpa perlu mendapat keizinan pendakwa raya. Ini menunjukkan tiada keseragaman dalam mengambil tindakan terhadap kesalahan lebih muatan mengikut APAD 2010 dan ALPKP 1987.

Ini betullah, Tuan Pengerusi. Jadi dengan adanya APAD, sebenarnya menyulitkan dari segi usaha-usaha tindakan penguatkuasaan yang terpaksa dilakukan oleh pihak JPJ. Sebenarnya kalau kita hendak tengok dari segi data sebelum perlaksanaan Akta APAD 2010 ini, hasil penguatkuasaan kita lebih daripada 400,000 saman setahun. Akan tetapi apabila ada pelaksanaan Akta APAD ini, kita hanya dapat lebih kurang 3,000 ke 4,000 sahaja setahun. Jadi terlalu jauh perbezaan.

Akan tetapi, sekarang ini tindakan kita telah buat, penyelesaian, dan kita telah pun mendapat kebenaran supaya bagi Akta APAD, kita mengambil tindakan terus melalui SPAD lagi.

Tuan Pengerusi: Maknanya SPAD langsung- SPAD punya pencapaian saman mereka?

Dato' Ismail bin Ahmad: SPAD, dia ambil tindakan secara teruslah. Jadi dahulu...

Tuan Pengerusi: SPAD punya jumlah tindakan yang diambil- maknanya dahulu ada 300,000 ke 400,000...

Dato' Ismail bin Ahmad: Itu di bawah JPJ.

Tuan Pengerusi: JPJ.

Dato' Ismail bin Ahmad: Sebelum di...

Tuan Pengerusi: Sekarang ini JPJ tinggal 3,000...

Dato' Ismail bin Ahmad: 3,000 ke 4,000.

Tuan Pengerusi: SPAD punya tidak tahu berapa?

Dato' Ismail bin Ahmad: SPAD kita tidak tahu.

Datuk Ruhaiyah binti Mohamed Rashid: Bersekali dengan SPAD.

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya, kita bersekali- no, itu data JPJ lah.

Tuan Pengerusi: Oh, data JPJ. Akan tetapi SPAD dia tidak ada buat operasi sendirilah?

Dato' Ismail bin Ahmad: SPAD dia pun ada masalah kekangan daripada anggota- anggotanya. Jadi sebab itulah- tak ada penyelarasan, Tuan Pengerusi. Akan tetapi sekarang ini, mulai daripada tahun 2014, kita baru lagi dapat kelulusan di mana pegawai penyiasatan JPJ boleh sediakan IP dan terus kepada Timbalan Pendakwa Raya (TPR). Ia tidak lagi perlu melalui SPAD. Kalau perlu melalui SPAD, ia banyak sangat birokrasi, jadi pegawai kita pun *demoralize*...

Tuan Pengerusi: Jadi perenggan penguatkuasaan di bawah Akta SPAD ini sudah tidak terpakailah ini?

Dato' Ismail bin Ahmad: Bukan. Ia terpakai tetapi pihak Jabatan Peguam Negara telah memberi kelulusan pertimbangan khas supaya sekarang prosedur- makna JPJ boleh terus ke Timbalan Pendakwa Raya dan tidak perlu lagi melalui SPAD.

Tuan Pengerusi: Kita boleh panggil SPAD itu. Maknanya sudah tidak ada fungsi dah. Walaupun dibekalkan kuasa itu di bawah akta mereka, tetapi sekarang ini bila JPJ sudah balik semula pakai sistem lama, JPJ sendiri yang hantar kertas pendakwaan terus kepada Peguam Negara, maknanya...

Dato' Ismail bin Ahmad: Bukan begitu maksudnya, Tuan Pengerusi. Maknanya, di bawah JPJ, kita boleh mengambil tindakan di bawah dua akta. Pertama di bawah Akta APJ itu sendiri dan kalau kita hendak buat di bawah Akta APAD pun boleh. Akan tetapi bagi SPAD, dia mengambil tindakan di bawah Akta SPAD dia. Dia masih berfungsi. Sebagai contoh, bagi kes-kes lebih muatan, maknanya kedua-dua agensi boleh mengambil tindakan.

Jadi dengan adanya perubahan baru ini yang diluluskan oleh Jabatan Peguam Negara, saya rasa tindakan-tindakan penguatkuasaan khususnya dari segi kes-kes lebih muatan ini akan menjadi lebih efisien. Dalam tempoh dua bulan sahaja kita telah mengambil tindakan lebih daripada 21,000 saman kita keluarkan, jauh meningkat daripada ini. Jadi, mulai daripada sekarang, saya rasa kita tidak ada apa-apa masalah lagi.

Tuan Pengerusi: Jadi selepas ini kalau JPJ tangkap lebih daripada SPAD- tidak ada perbandingankah di antara prestasi SPAD dengan prestasi JPJ?... *[Ketawa]*

Datuk Ruhaizah binti Mohamed Rashid: Yang Berhormat Tuan Pengerusi, *I think* kalau kita hendak bezakan antara SPAD dengan JPJ pun kita tidak boleh hendak samakan sebab SPAD ini kekangan mereka dari segi pegawai penguat kuasa. *They do not have that numbers* yang mereka mahukan *because the implementation of this* pun memerlukan tenaga.

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya.

Datuk Ruhaizah binti Mohamed Rashid: Jadi JPJ, tenaga memang sudah ada. Jadi kita menggunakan secara lebih cekap tenaga yang ada untuk memperbaiki penguatkuasaan. *So, that is why* saya rasa pertimbangan yang diberikan itu adalah- memandangkan tenaga penguat kuasa yang ada di JPJ lebih ramai dan sedia ada untuk digunakan, *that is why I think* Peguam Negara membenarkan...

Tuan Pengerusi: *In the longer term*, kalau SPAD dengan JPJ berjalan concurrently, selepas itu sekarang ini- JPJ dibiayai oleh peruntukan kerajaan dalam bajetlah. SPAD dia kena cari duitnya sendiri, bukan?

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya.

Tuan Pengerusi: *So, they will never develop* sebab mereka pun kena cari revenue juga hendak bayar untuk ambil staf baru.

Datuk Ruhaizah binti Mohamed Rashid: Akan tetapi SPAD ini banyak lagi bidang kuasa yang dilaksanakan. Ia bukan *on this area* sahaja yang kita buat, bersamalah.

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya.

Tuan Pengerusi: Mungkin mereka kata, "Tidak apalah, biar JPJ buat. Kita tidak perlu buat kerja itu"... [Ketawa]

Datuk Ruhaizah binti Mohamed Rashid: Tidak tahulah yang itu, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Tak, bukan. *But the idea* tubuhkan SPAD itu adalah untuk macam mengkorporatkan kerja JPJ juga, bukan?

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya.

Datuk Ruhaizah binti Mohamed Rashid: Kalau tidak, *it is not fulfilling the purposelah.*

Dato' Ismail bin Ahmad: Akan tetapi Tuan pengerusi, tak *fair* juga pada SPAD. Perjawatan tidak beri pada dia. Dia ada 300 orang staf sahaja. Macam mana hendak kontrol seluruh negara. Dalam 200 lebih sahaja dia punya *enforcement officer*. Sedangkan JPJ, kita ada 5,000 orang anggota penguat kuasa kita, *easily* kita boleh *mobilize* seluruh negara. Jadi apa pun, bagi kita, bagi hendak melaksanakan tugas sahaja dan pastikan penguatkuasaan ini lebih berkesan.

Tuan Pengerusi: Apa yang saya fikirlah, tak tahu lain-lain Ahli Jawatankuasa. Maknanya pelarasian antara fungsi SPAD dengan fungsi JPJ ini jangan bertindihlah.

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya.

Tuan Pengerusi: Bukan apa. Satu, dia kena *raise* dia punya *money* sendiri.

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya.

Tuan Pengerusi: Satu lagi yang kerajaan *fund* terus, bukan?

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya.

Tuan Pengerusi: Dari segi perjawatan dan sebagainya. Kalau SPAD tidak boleh, maknanya *transfer* balik kepada JPJ sahaja dan baik JPJ buat terus *that functionlah*, penguatkuasaan ini.

Dato' Ismail bin Ahmad: Akan tetapi, ini yang keputusan kerajaan buat macam itu. Sebenarnya kita pun rasa macam, "*Eh! Macam mana ada SPAD lagi yang mengambil fungsi yang hampir sama dengan yang selama ini JPJ buat*". Sebenarnya benda ini, kita JPJ, kita boleh laksanakan benda ini.

Tuan Pengerusi: Kita boleh pertimbangkan dan kita boleh rekomen kerajaan untuk selaraskan semula.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Apa pandangan JPA ini? Sekarang ini dia kata dia *overlapping*. *Then, it is a lost to both, to JPJ dan juga to SPAD. It is sometimes* macam mana Tuan Pengerusi kata, *it is overlapping*, kadang-kadang dia rasa SPAD buat dan SPAD rasa JPJ buat.

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Akhirnya tak ada orang yang buat.

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya. Kadang-kadang confuse macam itu sahaja. Sudahlah dengan prosedur yang dahulu yang jauh lebih efisien dengan memperkenalkan undang-undang baru menyebabkan kita jadi terkial-kial dan hendak buat pun tidak boleh, kena pergi pada SPAD. Jadi lagi banyak birokrasi. Jadi kita tidak efisien. Jadi sekarang ini dengan kelulusan yang baru, dalam masa dua bulan sahaja, lebih daripada 21,000 saman kita telah ambil tindakan seluruh negara. *It is very fast.* Jadi kita akan boleh *back to normal* semulalah. Kalau kita kata 400,000 setahun, *insya-Allah*, kita boleh achieve.

Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir: Tuan Pengerusi, bukan JPJ atau SPAD tetapi lain-lain agensi pun memang terdapat pertindihan. JPA dalam sistem ataupun dalam untuk mentransformasikan, kita sedang mengkaji *every* kementerian dan akan membuat cadanganlah.

Walau bagaimanapun, dari segi perjawatan, memang kita ke arah *elite government* atau *organization*. So, memang di JPA sendiri pun memang kita sudah *reduce a lot of this man power*. So, *this is on going process*, Tuan Pengerusi.

[Perbincangan secara off-record]

[Pembesar suara dimatikan]

Dato' Ismail bin Ahmad: Seterusnya Tuan Pengerusi, perenggan 7.5.2.2 ini, saya rasa isu ini lebih kurang isu yang dibangkitkan berhubung dengan bilangan kes dan bilangan IP yang dibuka dan bilangan yang diselesaikan. Perkara ini ia tersangkut seperti sama saya beri penjelasan tadi. Ia disebabkan isu-isu tadilah. Disebabkan birokrasi di mana terpaksa kita serahkan kepada SPAD ini. Perkara yang sama macam saya beri penjelasan tadi. Jadi yang ini kita pun sudah dapat surat kelulusan untuk kita meneruskan mengambil tindakan, pegawai-pegawai kita sediakan IP dan terus kepada Timbalan Pendakwa Raya telah pun kita terima.

■1550

Seterusnya perenggan 7.5.2.3, kuasa diperuntukkan di bawah APJ 1987 dan ALPKP 1987 telah dimasukkan secara bertulis pada kad kuasa yang dibekalkan pada sampel kad kuasa Pegawai Pengangkutan Jalan. Bagaimanapun, kuasa di bawah seksyen 82(1) APAD 2010 belum dimasukkan ke dalam kad kuasa tersebut. Pemberian kuasa tersebut telah diberi secara bertulis melalui surat. Ini pun Tuan Pengerusi, kita sehingga 15 Oktober baru-baru ini, sebanyak 65% kad kuasa anggota telah pun kita siapkan dan kemas kini dengan memasukkan semua seksyen 81(1), 82(1) dan 235(1) APAD 2010. Kita jangka exercise ini akan selesai sehingga akhir tahun ini, akan 100% dapat kita selesaikan.

Tuan Pengerusi: Tidak ada orang menyamar sebagai pegawai JPJ?

Dato' Ismail bin Ahmad: Setakat ini kita belum kesan lagi Yang Berhormat. Akan tetapi kalau ada di luar pengetahuan kita, tidak tahulah. Jadi isu kad kuasa, kita yakin akhir bulan Disember ini kita akan selesaikan.

Seterusnya perenggan 7.5.3 di mana pihak audit tidak dapat menentukan penguatkuasaan secara khusus dijalankan terhadap kenderaan asing yang diberi pengecualian memasuki kawasan sempadan tanpa ICP dalam jarak dua kilometer. Terdapat kemungkinan kenderaan ini akan membelaikan undang-undang seperti bergerak melebihi jarak yang dibenarkan, membawa lebih muatan, tiada mempunyai tanda badan dan pemandunya tidak mempunyai lesen yang disyaratkan oleh undang-undang Malaysia. Jadi yang ini dahulu pada 23 April 2014, kita kata SOP sedang disediakan berkaitan dengan penguatkuasaan dalam lingkungan dua kilometer dari sempadan dan sekarang ini SOP ataupun surat arahan telah pun dikeluarkan kepada semua negeri yang bersempadan dengan Thailand. Kita telah siapkan SOP dan kita telah edarkan kepada semua negeri-negeri yang bersempadan untuk mengambil tindakan.

Tuan Pengerusi: Macam mana kita hendak tahu? Kawasan saya di Johor Bahru, kawasan Parlimen saya di Johor Bahru, banyak betul kereta Thai di situ yang ada. Di Kuala Lumpur ini pun banyak kereta Thai.

Dato' Ismail bin Ahmad: Betul.

Tuan Pengerusi: Mereka perlu pamerkan mereka punya permit ini pada cermin mereka semasa mereka masuk?

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya. Dia perlu pamerkan Tuan Pengerusi. Ini Tuan Pengerusi, sebenarnya ini juga kelemahan-kelemahan dari segi perundangan ataupun sistem *understanding* antara Kerajaan Malaysia dan Thailand, di mana kalau ikut undang-undang, kenderaan-kenderaan Thailand hanya dibenarkan tidak lebih daripada dua kilometer dan selepas itu. Akan tetapi apabila mereka mendapat ICP, mereka lajak sampai ke tempat-tempat lain seperti Penang dan sampai ke Johor Bahru. Jadi dengan pelaksanaan VEP yang kita sedang hendak bangunkan ini, semua isu-isu ini akan diambil kira. Jadi *understanding* selama ini di antara Kerajaan Malaysia dengan Kerajaan Thailand akan berlaku sedikit inilah, mungkin Thailand juga akan membuat tindakan *reciprocal* di mana kenderaan-kenderaan Malaysia juga akan dihadkan peraturan yang lebih ketat.

Tuan Pengerusi: Sebab itu saya cadangkan di sini...

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya. Jadi, dari segi polisi Yang Berhormat Menteri telah memutuskan supaya pelaksanaan VEP ini juga dipanjangkan kepada sempadan-sempadan kita di tempat-tempat lain juga. Jadi, dia sedang dibangunkan...

Datuk Ruhaizah binti Mohamed Rashid: Yang Berhormat, on this issue of ICP ini, kita memang sedang mengkaji dari segi pelaksanaan atau penambahbaikan di mana we are now looking into the states yang terlibat. Kita juga akan hopefully in the new future, kita akan dapat membincangkan semula dengan pihak Thailand.

Ini kerana ia melibatkan dua negara dan mungkin *understanding* lebih awal dahulu masa awal-awal dahulu telah dibenarkan dua kilometer *within the borders*. Akan tetapi *when we look at apa yang diamalkan oleh pengguna-pengguna jalan raya daripada Thailand, they have gone beyond apa yang dibenarkan.*

So I think the two kilometers no man's land ini perlu dikaji semula. So memang itu kita sudah identify that we need to look at that and we are now going to zooming into the respective states yang ada, then also we will look at how the ICP punya pengeluaran to be strengthen ataupun tighten. So that apa yang digunakan oleh pemandu-pemandu Thailand, dia masuk kenderaan sendiri, kosong, hanya pemandu sahaja. Selepas dia cross over, sudah dapat ICP, dia pickup passengers dan dia hantar ke Penang, ke Perak, ke Johor Bahru especially those yang bekerja di restoran-restoran. So itu yang memang kita sudah kenal pasti. We are now looking back all this and maybe we will suggest, we come out with the new policy to the government and if it is agreeable, we will talk to Thailand to do the bilateral discussion with Thailand. Itu perancangan kita di peringkat kementerian.

Tuan Pengerusi: Soal orang keluar masuk ini pun ada berkaitan dengan isu kenderaan keluar masuk juga. Kalau kita punya *borders* kita, *Forest*, Imigresen tidak *check* betul-betul dan sebagainya, orang pun boleh masuk, senjata boleh masuk, macam-macamlah. Jadi, bagus juga JPJ ambil tindakan seperti inilah. Terima kasih.

Datuk Ruhaiyah binti Mohamed Rashid: Okey. Ya.

Dato' Ismail bin Ahmad: Seterusnya Tuan Pengerusi, berhubung dengan perenggan 7.5.4 ini berhubung dengan kes operasi lebih muatan dan juga perlu didaftarkan dalam sistem mySIKAP bagi memudahkan semakan. Isu di sini ialah daftar kes lebih muatan di bawah APAD dalam sistem mySIKAP. Ini kita sedang bangunkan Tuan Pengerusi, dan kita jangka penyediaan laporan berdasarkan format baru ini sedang kita sediakan dan dijangka siap sebelum Julai 2015. Jadi, pada masa akan datang semua- ini kerana sekarang kita sedang membangunkan sistem mySIKAP kita dalam isu-isu yang berhubung dengan statistik daftar kes lebih muatan dan sebagainya akan kita selesaikan. Ini kerana sekarang ini pembangunan bagi penyediaan laporan berdasarkan format baru ini kita sedang sediakan dan dijangka siap sebelum Julai 2015 nanti Tuan Pengerusi.

Bagi perenggan 7.5.5, sebanyak sembilan stesen penguasa dan empat stesen kawalan sempadan ditubuhkan tanpa waran perjawatan lima JPJ negeri. Tiada bukti JPJ memohon perjawatan kepada JPA bagi pejabat tersebut. Seterusnya, terdapat tiga pejabat kecil di negeri Perak, empat SPK di negeri Selangor dan satu SPK di negeri Sabah yang melibatkan 168 perjawatan yang telah diluluskan bagi waran perjawatan bilangan ini belum ditubuhkan. Ini Tuan Pengerusi, berhubung dengan isu-isu ini, kita sedang membuat penyemakan dengan JPA secara menyeluruh. Bukan sahaja isu ini, tetapi secara keseluruhan. Semua perjawatan baru kita telah susun mengikut waran perjawatan yang betul.

Kita telah selesai laksanakan bagi perjawatan-perjawatan di Sabah dan Sarawak. Di Semenanjung pun kita telah selesai di peringkat cawangan dan ke atas, tetapi sekarang ini kita peringkat yang fasa kedua berhubung dengan SPK yang dibangkitkan di sini dengan pihak JPA. Kita jangka dalam tahun hadapan, semua isu-isu ini akan dapat kita selesaikan.

Tuan Pengerusi: JPA betul boleh selesai?

Encik Ali Badaruddin bin Abd. Kadir: Ini *ongoing process*.

Dato' Ismail bin Ahmad: *Ongoing process*, ya. Dahulu memang kita ada masalah dari segi perjawatan, waran tidak tentu, tidak betul, so kita sudah ambil tindakan. Sudah tiga suku sudah yang boleh selesai, kita ada satu per empat lagi, 25% lagi yang belum selesai Tuan Pengerusi.

Seterusnya bagi perenggan 7.5.6.1, berhubung dengan satu unit generator yang dibekalkan pada tahun 1995 telah rosak pada bulan Disember 2007. SPK Segama kemudiannya pada bulan Januari 2008 dibekalkan dengan satu unit generator terpakai daripada JPJ Negeri Sabah dan mendapati generator ini kerap mengalami kerosakan dan menyebabkan bekalan elektrik sering terputus dan proses penimbangan tidak dapat dilaksanakan. Ini memang benar dan kita telah pun memohon peruntukan tambahan daripada MoT dan peruntukan sebanyak RM100,000 telah pun diluluskan kepada JPJ dan waran peruntukannya RM100,000 bagi melaksanakan kerja-kerja bekalan elektrik ini disalurkan pada 15 Mei 2014 baru-baru ini. Kerja-kerja ini sedang dibuat dan dipantau sepenuhnya oleh JPJ Negeri Sabah dan dijangka siap pada bulan November ini. Pada bulan ini akan siap, Tuan Pengerusi.

Seterusnya perenggan 7.5.6.2, jalan keluar di SPK Telipok tidak dapat digunakan kerana jalan rosak akibat banjir.

■1600

Perkara ini, kita JPJ negeri Sabah telah pun menulis surat bertarikh 3 Mei 2013 kepada Pengarah Jabatan Kerja Raya negeri Sabah memohon untuk membuat penilaian anggaran kos kerja-kerja pembaikan, tetapi sehingga kini masih belum menerima jawapan daripada pihak JKR Sabah. Jadi, permohonan penyelenggaraan bagi SPK Telipok yang dianggarkan sebanyak RM1 juta telah pun dipohon dalam permohonan Bajet Tahun 2015 dan ia telah diperakukan oleh BRO daripada Kementerian Kewangan semasa Mesyuarat Pemeriksaan Belanjawan 2015.

Walau bagaimanapun, walaupun BRO telah membuat perakuan dan bersetuju tetapi kita dapati dalam bajet yang dibentangkan di Parlimen pada bulan Oktober baru-baru ini, peruntukan berkenaan tidak diluluskan. Jadi, ia bermakna isu masalah jalan rosak di SPK Telipok ini kita masih ada masalah nampaknya.

Tuan Pengerusi: Okey, MoF ambil maklum ya. Dia kata tidak lulus lagi dan Ahli Parlimen Tuaran ada di sini. Datuk Madius adalah Ahli Parlimen Tuaran di mana kawasan ini terletak.

Dato' Ismail bin Ahmad: RM1 juta sahaja, bukan banyak... [Ketawa] Bukan RM100 juta, RM1 juta sahaja.

Saya rasa Tuan Pengerusi, itu sahaja perkara-perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Audit yang saya hendak respons.

Tuan Pengerusi: Ada soalan daripada Jawatankuasa? Isu ini semua telah diambil tindakan. Cuma, saya hairan kenapa JPJ ini macam ketinggalan sedikit ataupun macam anak tirilah.

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya, memang anak tiri, Tuan Pengerusi... [Ketawa] Terutama daripada segi peruntukan kewanganlah. Memang kita sedih juga. Kalau kita tengok cawangan kita, ada lebih hampir 100 cawangan seluruh negara tetapi tidak dapat *dimaintain* dengan baik kerana selalu peruntukan tidak cukup.

Tuan Pengerusi: Agaknya sebab daripada segi pemeriksaan kereta, PUSPAKOM sudah buat sekarang ini, bukan? Dahulu JPJ buat pemeriksaan kereta.

Dato' Ismail bin Ahmad: Kita beri pada PUSPAKOM.

Tuan Pengerusi: Ya, beri pada PUSPAKOM. Mereka sudah banyak dia punya kerja dan revenue itu sudah hilang daripada jabatan.

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya.

Tuan Pengerusi: Selepas itu penguatkuasaan pun sekarang ini berkongsi dengan SPAD, selepas itu baharu hendak ambil balik.

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya.

Tuan Pengerusi: Jadi, apakah fungsi JPJ yang sebenarnya yang tinggal selepas daripada pengagihan ini kepada kuasa lain ini?

Dato' Ismail bin Ahmad: No, kita fungsi sama, Tuan Pengerusi. Sebenarnya beri kepada PUSPAKOM tetapi daripada segi tanggungjawab masih JPJ. Kita memberi arahan kepada PUSPAKOM untuk melaksanakan tugas-tugas JPJ tadi tetapi kita masih kawal selia. Daripada segi tanggungjawab, masih JPJ. Akan tetapi JPJ dalam keadaan begitu pun, saya rasa kita generate hampir RM4 bilion juga setahun, tetapi kalau kita tidak beri PUSPAKOM, memang lagi banyak. Ini pun hampir RM4 bilion setahun.

Akan tetapi daripada segi *income* ini, kita akan sentiasa bertambah. Bilangan kenderaan baru didaftarkan sebanyak 1.3 juta setahun, ini hasil kepada kita. Mereka bayar *roadtax*. Juga, bilangan pemandu baru hampir 600,000 orang setahun. Jadi, ini pun lesen memandunya, cukai jalan dan sebagainya. So, *income* akan sentiasa bertambah. Begitu juga dengan pertukaran hak milik, RM1.4 juta urus niaga setahun. Sekali tukar hak milik, mereka kena bayar RM30, RM40. Jadi, inilah hasil-hasil. Selain daripada itu, hasil-hasil daripada penguatkuasaan kita yang lebih daripada RM100 juta setahun datang daripada hasil-hasil tindakan saman yang kita kenakan pada orang ramai.

Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]: Tuan Pengerusi, saya hendak tanya sebab disebut tadi pasal pemandu baru, 600,000 setahun.

Dato' Ismail bin Ahmad: Hampir.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Hampir.

Dato' Ismail bin Ahmad: Pemegang lesen kenderaan ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Okey.

Dato' Ismail bin Ahmad: Sama ada motosikal dan juga kereta.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Pemerhatian saya sebagai pemandu di jalan raya Malaysia, saya nampak kualiti pemandu-pemandu Malaysia ini teruk.

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Konsep *right of way* tidak difahaminya. Dia masuk sahaja jalan yang dia nak masuk. Laluan laju dengan laluan perlahan dia tidak kira sama ada bas sendirikah, lorikah, pemandu kereta *private* kah, dia jalan *slow* tetapi dia pakai laluan lorong laju.

Jadi, saya hendak tahu kadar kelulusan mendapat lesen yang ditest di Malaysia berbanding *percentage*, peratusannya dengan negara-negara lain misalnya, adakah kita punya *high rate of* kelulusan itu tinggi terlajakkah hingga mudah sangat hendak luluskah ataupun kita lebih *strict* daripada amalan negara-negara lain dalam memberi kelulusan untuk menjadi pemandu di negara kita?

Dato' Ismail bin Ahmad: Okey, terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya perkara Yang Berhormat bangkitkan ini ialah sebelum kita laksanakan KPP baru, Kurikulum Pendidikan Pemandu yang baru yang kita baru lancarkan pada 1 September baru-baru ini. Sebelum itu, mungkin itulah yang sebenarnya kualiti yang kita dapat kerana silibus modul yang dibangunkan tidak memikirkan daripada soal-soal kekompetenan, kemahiran memandu, soal-soal integriti, soal-soal bertimbang rasa, berhemah di jalan raya, tidak mengambil kira. KPP baru yang mana kurikulum dibangunkan bagi menjurus ke arah melahirkan pemandu yang kompeten, berkemahiran, apabila berada di jalan raya, mereka lebih berhemah, bertimbang rasa, berintegriti. Jadi, inilah yang baru.

Apabila kita mula melaksanakan pada 1 September baru-baru ini, banyak juga macam ini, macam ini, orang ramai rasa macam kekok, lebih susah dan sebagainya. Akan tetapi apa-apa pun, kita harap mendapat semua sokongan kerana kita hendak akhirnya produk yang kita hasilkan adalah seperti yang saya nyatakan tadi.

Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]: Audit ada soalan? Sudah tidak ada dah. Jadi macam inilah, kalau saya tidak tanya beberapa soalan pun, tidak adil juga kerana saya terima bertahun-tahun aduan mengenai penguat kuasa JPJ. Mungkin mereka pun tidak dapat membezakan antara JPJ dengan SPAD. Mungkin, mungkin. Jadi, saya hendak tanya satu soalan ini, kalau diperiksa oleh SPAD ataupun oleh JPJ itu, kalau Dato' sendiri diperiksa, hendak pilih mana, JPJ ataupun SPAD?

Dato' Ismail bin Ahmad: [Ketawa] Yang Berhormat, ia daripada segi fokus sebenarnya berbeza kerana SPAD ia menjurus kepada kenderaan-kenderaan perdagangan. Ia lebih melihat kepada isu-isu permit kepada kenderaan. JPJ lebih fokus kepada kenderaan-kenderaan individu, *private vehicle*. So, kita lebih kepada daripada segi isu *roadtax*, lesen, isu-isu teknikal, brek, tayar dan juga isu-isu pemandu sama ada mereka ini *fit* ataupun tidak. Akan tetapi pemandu, SPAD pun boleh. Ada perbezaan itu Yang Berhormat tetapi pada *public* mungkin mereka tidak tahu lah.

Dr. Tan Seng Giaw: Tidak tahu, memang tidak tahu. Satu lagi mengenai imej JPJ. Dianggapkan imej itu tidak baik, tidak baik. Akan tetapi saya tidak tahu keadaan yang sebenar.

Dato' Ismail bin Ahmad: Saya pun tidak tahu Yang Berhormat tetapi kemungkinan kalau tidak baik itu pun, mungkin sebab biasanya kita agensi penguat kuasa, biasanya dia akan kaitkan dengan persepsi yang negatif dalam kalangan masyarakat. Jadi, sama ada betul atau tidak betul, tetapi kita bagi pihak JPJ, kita sedang menyediakan bagaimana kita hendak mengelakkan persepsi ini.

Oleh sebab itu, kita membangunkan sistem kita melalui program mySIKAP yang mana pada masa akan datang, urus niaga dengan JPJ tidak perlu lagi orang ramai datang ke kaunter-kaunter JPJ. Orang ramai sekarang ini boleh buat melalui komputer atau *handphone* dan urus niaga boleh melalui kiosk, melalui Pos Malaysia, melalui MyEG, melalui kaunter JPJ pun boleh. So, banyak opsyen mereka boleh pilih. Juga, sekarang ini kita pergi ke syarikat-syarikat *dealers*, kereta pun, semua pendaftaran boleh berlaku di syarikat-syarikat kenderaan baru. Di IM pun kita sedang bangunkan sistem supaya urus niaga berlaku di situ dan pada masa hadapan, lesen juga boleh dikeluarkan oleh IM itu. Ini kita hendak imej baru JPJ kepada imej yang lebih baik, lebih *friendly* kepada *public* untuk memberi perkhidmatan yang lebih baik.

Dr. Tan Seng Giaw: Ini kerana kalau kita pergi ke JPJ di UK itu, imejnya tidak ada macam ini. Mungkin kita boleh wujudkan satu imej yang mungkin lebih baik daripada UK.

Dato' Ismail bin Ahmad: Saya rasa dengan selesai pembangunan sistem kita, kita yakin, kalau tidak lebih baik pun, *at par* dengan negara-negara lain.

Dr. Tan Seng Giaw: Sekarangnya, masalah ini bukan sahaja lebahan muatan, itu kelajuan di lebuh raya terutamanya dan itu masalah motosikal, sikap yang tidak elok. Kalau itu dihadkan 50 km/j pun, dia- kita 50 km/j dia tak boleh tahan. Dia memang maki. Macam mana 50 dia nak cepat lagi. Itu masalah...

■1610

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir [Kulim-Bandar Baharu]: Jangan ambil nombor kereta saya.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kepong banyak *traffic jam* lah.

Dr. Tan Seng Giaw: Masalah itu asap hitam. Kalau diperiksa dengan betul, macam mana boleh keluarkan asap hitam?

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya, yang ini memang isu-isu begitu memang Yang Berhormat ada berlakulah. Sebenarnya kadang-kadang kita di bawah sana dari segi penguatkuasaan kita pun ada kaunseling juga. Katakan sebagai contoh dari segi asap hitam. Bukan di bawah bidang kuasa JPJ. Itu di bawah akta jabatan lain- Jabatan Alam Sekitar.

Jadi kadang-kadang bila kita ambil tindakan, kita hanya boleh ambil tindakan di bawah mana diperuntukkan kuasa di bawah JPJ. Asap hitam kena jabatan lain. Itulah sistem perundangan kita kadang-kadang boleh benda ini menyebabkan kita penguatkuasaan kita juga jadi terhad. Dalam hal-hal lain, macam baru ini kita juga dari segi untuk mendisiplinkan pemandu-pemandu dan sebagainya, kita selama ini kita sekarang ini sedang merangka satu strategi baru di mana selama ini usaha-usaha menguatkuasakan peraturan jalan raya hanya diberi tanggungjawab kepada JPJ, SPAD mahupun pihak PDRM. Akan tetapi kita sedang mengadakan satu program khas di mana kita hendak pada masa akan datang orang ramai, *public* juga kita libatkan sama dalam usaha-usaha mengurangkan kadar kemalangan dan juga mematuhi peraturan jalan raya. Jadi kita ada satu program untuk bagaimana mendekati masyarakat, berbaik-baik dengan golongan mat rempit dan sebagainya. Mereka itu adalah rakan-rakan kita untuk kita bersama-sama dengan dia untuk mengambil tanggungjawab isu-isu penguatkuasaan.

Dr. Tan Seng Giaw: Dua minggu yang lepas, saya memandu kereta saya Hilux. Bila berhenti di depan lampu isyarat, ada dua tiga motosikal yang sekat saya seperti JPJ pula. Saya tak hirau dia, tetapi saya nampak. Mengapa hal seperti itu boleh berlaku? Ini bukan JPJ, bukan itu SPAD. Itu mungkin SPAD persendirian.

Dato' Ismail bin Ahmad: [Ketawa] Yang Berhormat kita itulah. Kita sebenarnya di seluruh negara kita ada 24 juta bilangan kenderaan. Motosikal dan juga kereta dan kita ada hampir 14 juta pemandu-pemandu, pemegang-pemegang lesen. Jadi nak kawal selia keseluruhan itu memang agak ini, tetapi usaha kita tidak akan berhenti di situ saja. Strategi kita pada masa hadapan bagaimana penglibatan masyarakat untuk mengambil tanggungjawab untuk sama-sama menjaga keselamatan jalan raya.

Pada tahun 2013, 6,915 orang mati atas jalan raya. Negara kita ancaman sebenarnya ialah kemalangan jalan raya. Kita orang tak mati kerana kebuluran. Rakyat Malaysia tak mati kerana tsunami, banjir, perperangan ataupun lain-lain berbanding dengan negara-negara lain. Ancaman kepada negara kita ialah kematian disebabkan kemalangan jalan raya. 6,915 mati tahun lepas dan dengan 477,500 kemalangan pada tahun 2013. Dan tanpa ada langkah-langkah penguatkuasaan...

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Mati itu Dato' masa hari raya lah, masa cuti sekolah lah.

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya, sepanjang tahun Yang Berhormat. Jadi tanpa apa-apa langkah, tanpa apa-apa langkah penguatkuasaan dan langkah-langkah pendidikan melalui KPP baru tadi, rakyat Malaysia akan mati 10,716 orang menjelang tahun 2020.

Jadi strategi kita ialah menjelang tahun 2020, kita nak kurangkan 50% daripada yang sepatutnya mati. Kita nak rakyat Malaysia mati 5,358 orang saja menjelang tahun 2020.

Tuan Pengerusi: Kenapa cakap begitu?

Dato' Ismail bin Ahmad: Ini dari segi teori Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Kita nak bagi tak ada orang mati... *[Ketawa]*

Datuk Ruhaizah binti Mohamed Rashid: Kalau boleh zero.

Dr. Tan Seng Giaw: Selain daripada angka kematian itu, angka kecederaan?

Dato' Ismail bin Ahmad: Kecederaan lagi banyak Yang Berhormat. Lagi banyak Yang Berhormat. Memang ini berpuluhan-puluhan ribu yang cedera. Ya, yang patah tangan, patah kaki, yang buta mata, yang cacat pendengaran. Jadi semua ini yang boleh menjelaskan produktiviti negara kita. Jadi kita harap benda ini akan menjadi agenda utama juga kepada kerajaan supaya memerangi isu-isu kemalangan jalan raya dan kepentingan rakyat di atas jalan raya.

Ini kerana kos kematian bagi satu rakyat Malaysia ialah RM1.2 juta. Jadi dengan bilangan 6,915 yang mati tahun lepas itu, RM9.3 bilion kerugian-kos sosial kepada pihak kerajaan sebenarnya. Bagi satu kematian warganegara.

Tuan Pengerusi: Apa maknanya?

Dato' Ismail bin Ahmad: Ini kerana kos kematian ini dikira daripada mula dilahirkan, kerajaan bagi subsidi dia di hospital, masuk sekolah tadika, kerajaan bagi percuma, bila dia masuk sekolah bagi buku percuma, dapat biasiswa. Bila dia bekerja, isi minyak petrol, petrol pun kerajaan bagi subsidi... *[Disampuk] [Ketawa]* Jadi bila umur 45 tahun dia meninggal, mati maknanya kerajaan dah *spend RM1.2 million* secara purata. Ini dia mati sedangkan dia tak dapat memberi sumbangan balik kepada pihak kerajaan.

Tuan Pengerusi: Yang Berhormat Kepong dia punya nilai tinggi fasal dia lebih berumur dari kita.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Itu pun Yang Berhormat Kepong tak nak sokong kerajaan lagi.

Dr. Tan Seng Giaw: Macam UMNO saja. Tak kira siapa jadi kerajaan, keadaan ini akan diteruskan. Masalah macam itu pun tak faham.

Tuan Pengerusi: Okey, okey. Tadi sebenarnya saya nak pergi kepada dua isu. Satu mengenai kepentingan JPJ sebagai sumber hasil pada kerajaan. Itu nanti kita sebab itu dia punya *branch* nya isu tender nombor plat inilah.

Namun isu yang lebih penting saya nak sentuh di sini adalah mengenai penggunaan IT dalam JPJ ini. Dari segi service counter sekarang ini saya rasa baiklah. Hari itu saya pergi ke kaunter JPJ di Puduraya...

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya, UTC.

Tuan Pengerusi: UTC Puduraya dan dalam masa 40 minitlah daripada permohonan sampai ke dapat...

Dato' Ismail bin Ahmad: Berapa minit Yang Berhormat?

Tuan Pengerusi: 40 lah fasal ada ramai orang masa itu.

Dato' Ismail bin Ahmad: Oh, ramai orang.

Tuan Pengerusi: Ramai orang jadi- tetapi cepatlah. Selepas saya serahkan saya punya lesen memandu yang lama sampai...

Dato' Ismail bin Ahmad: Lima minit saja?

Tuan Pengerusi: 10 lah.

Dato' Ismail bin Ahmad: 10 minit?

Tuan Pengerusi: Fasal orang ramai. Pagi itu ada 30-40 orang depan saya. Jadi dalam masa 40 minit selesai saya dapat lesen. Jadi maknanya dari segi kaunter depan nampak ada peningkatan yang begitu baik lah macam imigresen sekarang ini keluarkan pasport cepat kan.

Akan tetapi itulah bila timbul isu mengenai penggunaan data dalam JPJ ini yang tidak lengkap lah. Tadi Audit ada menyebutkan bahawa masih lagi ada perkara-perkara yang direkodkan dalam buku daftar secara manual dan sebagainya. Selepas itu saya pun menerima banyak dalam Facebook, dalam Whatsapp- ya lah fasal PAC sekarang ini kita menerima banyak maklumat ya. Banyak maklumat yang orang bertanya untuk ditanyakan kepada ketua jabatan yang kita panggil. Jadi antara isu yang ditimbulkan ialah isu mengenai pembangunan sistem mySIKAP ini. Yang majukan sistem mySIKAP dalam JPJ ini ialah HeiTech Padu kan?

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya.

Tuan Pengerusi: HeiTech Padu- kosnya berapa?

Dato' Ismail bin Ahmad: RM282 juta.

Tuan Pengerusi: Skopnya patutnya bertujuan untuk mengautomasikan setiap...

Dato' Ismail bin Ahmad: Setiap urus niaga...

Tuan Pengerusi: JPJ termasuk dengan pemeliharaan database lah

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya.

Tuan Pengerusi: JPJ fasal Dato' kata tadi ada berapa ratus ribu kereta dan sebagainya ya. Jadi apakah pelaksanaan pembangunan sistem IT dalam JPJ sekarang ini terutamanya macam sistem mySIKAP dan sebagainya, adakah perkara itu berjalan lancar? Adakah ia menepati matlamat pembangunan sistem tersebut? Adakah *delivery of the system is on time*? Pasal, dari segi jumlah dia *RM250 million*, besar itu dia punya belanja kerajaan untuk membangunkan sistem ini.

Kita hendak tanya sikitlah. Ini *sidelinelah* daripada isu yang Dato' sekarang berikan kita penjelasanlah. Jadi saya rasa Dato' mampu berikan penjelasan mengenai isu pembangunan sistem IT seperti mySIKAP ini jugalah.

■1620

Dato' Ismail bin Ahmad: Okey, terima kasih Tuan Pengerusi. Sebenarnya kita sebelum kita *migrate* kepada sistem mySIKAP, kita pakai sistem SIKAP. Jadi kita *migrate* ini kita bermula pada 1 Ogos tahun lepas. Jadi ini bermakna sudah hampir setahun lebihlah. Oleh sebab sistem dia besar, jadi apabila- dulu saya rasa memang betullah kita ada berlaku kecoh-kecoh sikit. Daripada SIKAP bila kita hendak *migrate* kepada- apabila pembangunan siap kita hendak *migrate* kepada mySIKAP, hampir empat bulan sistem kita ada masalah sebab sistem kita besar

Akan tetapi, kita *manage to control* keadaan dan sekarang ini memang sudah makin baik dan sekarang ini memang cukup efisien. Saya rasa mana urus niaga kita di mana-mana pun, memang kita tidak ada isu. Jadi dalam hal ini, apabila kita bangunkan sistem mySIKAP, banyak benda baru, urus niaga baru, inisiatif baru yang kita dapat laksanakan.

Kita sebenarnya ada lebih kurang 21 *business* inisiatif yang kita bangunkan melalui sistem mySIKAP ini. Kalau sekarang ini, sebagai contoh Tuan Pengerusi, kita sekarang ini urus niaga tukar hak milik, kalau dulu kita pakai surat sumpah palsu, banyak pertukaran hak milik kenderaan tanpa pengetahuan *owner* dia.

Tuan Pengerusi: Itu yang banyak ulat bulu itu.

Dato' Ismail bin Ahmad: Itu banyak berlaku di mana surat sumpah palsu, *sign* palsu dan sebagainya. Jadi apabila kita kuatkuasakan melalui salah satu inisiatif ialah pertukaran hak milik dengan menggunakan sistem biometrik ini. Jadi sekarang ini kita jauh lebih selamat dan tidak ada orang boleh tipu lagi. Akan tetapi itulah, kadang-kadang terpaksa sikitlah- kalau orang pun berpangkat menteri dan sebagainya, dia boleh pergi ke kaunter atau kalau tidak mahu pergi ke kaunter, boleh dapat khidmat daripada MyEG yang boleh datang jumpa dia.

Tuan Pengerusi: Saya itu hari beratur macam orang biasa pasal nak tengok macam mana efisien pegawai Dato' itu hari, tetapi efisienlah, saya akui lah.

Dato' Ismail bin Ahmad: Tuan Pengerusi tengok okey sikit, Tuan Pengerusi?

Tuan Pengerusi: Okeylah, servis cepat, layanan itu bagus, tidak ada muka masam, okeylah... [Ketawa]

Dato' Ismail bin Ahmad: Sebenarnya inisiatif ini kita masih lagi kita laksanakan kerana kita akan selesai pada bulan Julai 2015 nanti. Jadi maknanya ada lagi benda-benda baru yang kita akan perkenalkan.

Sekarang ini kalau kita hendak beli plat Johor hendak daftar di Kuala Lumpur pun sudah boleh. Dulu kalau beli plat Johor, kena pergi ke Johor kena daftar. Melalui pembangunan sistem IT di bawah mySIKAP ini, kita boleh. *Borderless registration* kita panggil.

Begitu juga dari segi pendaftaran kenderaan. Dulu orang ramai semua semata-mata pergi ke kaunter-kaunter JPJ untuk mendaftarkan kenderaan baru.

Kita bangunkan sistem kita, kita *linkkan dengan dealer-dealer* kereta Proton, Honda, Perodua, Toyota, KIA dan juga Mazda. Ada enam sekarang ini kita sudah bangunkan dengan dia. Semua orang beli kereta-kereta ini tidak perlu lagi datang ke kaunter JPJ. Sistem mySIKAP kita *link* terus dengan mereka dan orang ramai terus beli kenderaan daftar di syarikat-syarikat *dealer* itu. Cuma datang *print* geran sahaja di kaunter JPJ. Lain kali *print* geran itu pun kita hendak suruh *dealer* itu buat.

Oleh kerana sistem mySIKAP ini begitu efisien yang kita boleh tahu dan kita boleh kawal. jadi tidak boleh berlaku sebarang penipuan. Inilah kebaikan daripada sistem mySIKAP.

Begitu juga kemudahan-kemudahan lain, inisiatif *business* lain yang kita sedang bangun. Pada masa akan datang, kita akan perkenalkan juga eBidding. Sistem nombor sekarang ini kita pakai tender tapi kita akan bangunkan, *insya-Allah* pada tahun 2015, kita akan memperkenalkan eBidding dan orang ramai lebih mudah.

Tuan Pengerusi: Itu soalan yang saya hendak tanya sebenarnya.

Dato' Ismail bin Ahmad: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Maknanya jual nombor plat ini, kenapa tidak buat eBidding? Pasal dia komoditi.

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya, dalam pelan kita Tuan Pengerusi, *insya-Allah* pada tahun 2015, kita akan laksanakan eBidding punya konsep yang lebih *transparent*.

Akan tetapi Tuan Pengerusi, dia ada juga kelemahan dia, Tuan Pengerusi. Kelemahan dia saya maksudkan dia macam ini. Kalau katakan kerabat istana, Tuanku, Yang Berhormat Menteri sendiri yang hendak, kita tidak boleh hendak tolonglah. Itu sahaja.

Tuan Pengerusi: Tapi dia ada kuota dia oranglah?

Dato' Ismail bin Ahmad: No, kuota dia *very limited*, ia terhad.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Setuju, saya setuju. Tidak apa.

Tuan Pengerusi: Sebagai contoh, kalau kuota menteri berapa?

Dato' Ismail bin Ahmad: Kuota menteri satu sahaja.

Tuan Pengerusi: Satu sahaja untuk satu *term* ataupun...

Dato' Ismail bin Ahmad: Satu menteri, satu *term*. Bukan satu *term*, satu kementerian yang dia bertugas itu.

Tuan Pengerusi: Satu kementerian dia bertugas, satu?

Dato' Ismail bin Ahmad: Kalau dia *stay* situ sampai bila-bila, duduk situ, satu sahajalah.

Tuan Pengerusi: Arwah bapa saya rugi dulu. Dia jadi Menteri Kewangan itu tak sampai 20 tahun.

Dato' Ismail bin Ahmad: *[Ketawa]*

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Cukup dah itu, cukup dah itu.

Tuan Pengerusi: Jawapannya, satu untuk satu kementerian?

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya. Kalau dia *transfer after five years* lah kan, pindah ke kementerian lain, *then eligible another one*lah.

Tuan Pengerusi: As a minister in different ministry lah kan?

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya.

Tuan Pengerusi: Perdana Menteri satu jugalah?

Dato' Ismail bin Ahmad: Dua.

Tuan Pengerusi: Perdana Menteri dua?

Dato' Ismail bin Ahmad: Dua. Sepanjang hayat dia menjadi Perdana Menteri. Timbalan Perdana Menteri pun dua.

Tuan Pengerusi: Ini boleh cakap ya?

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya?

Tuan Pengerusi: Ini boleh cakap ya, Dato' ya?

Dato' Ismail bin Ahmad: Ini?

Tuan Pengerusi: Tak, perkara-perkara ini semua kalau saya tanya Dato', tidak ada masalah hendak jelaskan ya?

Dato' Ismail bin Ahmad: Boleh, tidak ada masalah.

Tuan Pengerusi: Pasal, ini yang rakyat hendak tahu.

Dato' Ismail bin Ahmad: [Ketawa]

Tuan Pengerusi: Tak. Pasal apa, dia orang kata Laporan PAC ini akan jadi satu *public document*. Dewan Rakyat sebenarnya tidak tahu benda ini. Jadi penjelasan yang diberikan oleh Dato' melalui Laporan PAC ini akan lebih menjelaskan lagi mengenai prosedur dalam tender untuk nombor inilah.

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya.

Tuan Pengerusi: Jadi, tadi Perdana Menteri dua, Yang Berhormat Timbalan Perdana Menteri dua...

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya, Menteri satu.

Tuan Pengerusi: Menteri satu setiap kementerian.

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya.

Tuan Pengerusi: Kalau dari jabatan kerajaan macam KSU...

Dato' Ismail bin Ahmad: KSU tidak ada.

Tuan Pengerusi: Oh! KSU tidak ada?

Dato' Ismail bin Ahmad: MB satu, Ketua Menteri pun satu.

Tuan Pengerusi: MB dan Ketua Menteri satu?

Dato' Ismail bin Ahmad: Layak satu, sebarang nombor. Kalau dia hendak nombor satu pun memang layak itu.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Ismail bin Ahmad: Ketua Menteri pun satu.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Yang itu *without bidding*?

Dato' Ismail bin Ahmad: No, dia boleh *request* dia hendak nombor apa. Memang kita reserve untuk dia. Kalau orang *bidding* pun kita akan tolaklah dia. Kita memang bagi *reserve* untuk dia.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Ismail bin Ahmad: Atas kelayakan dia tadi.

Tuan Pengerusi: KSU tidak ada?

Dato' Ismail bin Ahmad: Tidak ada.

Tuan Pengerusi: KSN?

Dato' Ismail bin Ahmad: Tidak ada.

Tuan Pengerusi: Oh!

Dato' Ismail bin Ahmad: idak ada Tuan Pengerusi. Ini *public* yang salah. Dia ingat kita pakat bagi kepada pegawai kerajaan tapi kita malas hendak jawab, dia orang dok bising.

Tuan Pengerusi: Tidak mengapa. Ini dalam Laporan PAC ini kita akan sebut inilah.

Dato' Ismail bin Ahmad: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Jadi Dato' sudah jawab dalam laporan PAC. Daripada KSN, KSU...

Dato' Ismail bin Ahmad: Tak ada, dia orang tak layak.

Tuan Pengerusi: Pegawai-pegawai kerajaan tak layak ya?

Dato' Ismail bin Ahmad: Tak layak. Dia orang bayar penuh. Berapa harga pun dia hendak, kena bayar *full amount*.

Dr. Tan Seng Giaw: Pengerusi PAC pun tidak layak?

Dato' Ismail bin Ahmad: Tak layak... *[Ketawa]*

[Ahli-ahli berbincang sesama sendiri]

[Pembesar suara dimatikan]

Dato' Ismail bin Ahmad: Agong, dia layak tujuh, Tuan Pengerusi.

Tuan Pengerusi: Agong tujuh.

Dato' Ismail bin Ahmad: Tuanku, Sultan, tujuh.

Tuan Pengerusi: Tujuh.

Dato' Ismail bin Ahmad: Anakanda Tengku Mahkota ataupun Raja Muda, dua.

Tuan Pengerusi: Sultanah?

Dato' Ismail bin Ahmad: Sultanah tak layak.

Tuan Pengerusi: Tak layak ya.

Dato' Ismail bin Ahmad: Anakanda-anakanda lain tak layak. So, sama ada Tengku Mahkota dan Raja Muda sahaja.

Tuan Pengerusi: Tengku Mahkota dan Raja Muda.

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya.

Tuan Pengerusi: Okey. Jadi, itu hari yang isu yang keluar dalam...

Dato' Ismail bin Ahmad: BMW.

Tuan Pengerusi: BMW. Itu apa *problem* sebenarnya?

Dato' Ismail bin Ahmad: Dia tidak ada isu, Tuan Pengerusi. Cuma, kita perlu beri penjelasan kadang-kadang... Pasal apa, kita hendak melindungi institusi raja-raja. Kita hendak melindungi kalau ada menteri, Perdana Menteri- ini kita pernah dapat teguran daripada Kabinet tahun 2012 kerana isu bila kita tender Tuanku Johor sebagai contoh, kita letak situ, kita *open, transparent*, RM748,000, pun orang bising. Naik dalam *Facebook* dan sebagainya, orang kecam Tuanku Johor. Mana dapat duit, rakyat Johor ramai lagi susah hendak makan...

Tuan Pengerusi: Tuanku saya itu.

Dato' Ismail bin Ahmad: ...Sedangkan Tuanku senang-senang beli satu nombor sudah RM748,000 pun jadi isu. Begitu juga dengan Menteri-Menteri. Kalau kita dedahkan nama mereka-biasanya kita buat anggota pentadbiran kerajaan dan kita tidak *expose* pun berapa nilai dia. Sebenarnya dia bayar penuh, kalau dia tender lebih daripada satu kelayakan dia tadi.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Akan tetapi kenapa kita tidak *expose*kan? Kalau kita tidak *expose*kan, kita buka itu kepada *interpretation* yang lagi bermasalah.

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Tidak salah kalau RM748,000 dia berani *bid*, biarlah dunia tahu.

Dato' Ismail bin Ahmad: Akan tetapi Yang Berhormat, jadi isu lainlah. Kita hendak jaga juga Sultan kita, kita tak hendak persepsi *public* itu. Walaupun dia betul dia buat benda itu, tapi dari segi *public*, rakyat akan jadi benci.

Tuan Pengerusi: Dia ada kesan terbalik juga, Dato'

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya.

Tuan Pengerusi: Apabila ada yang dirahsiakan, orang pun tanya juga mana orang ini dapat duit hendak beli nombor semewah itukan, lebih mahal daripada harga kereta... *[Ketawa]*

■1630

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Apabila kita lindung Dato', bila dipertikai baru kita jawab. Waktu kita jawab itu *again* orang sudah *doubt* kita punya kredibiliti dan rakyat punya pemikiran ini selalunya dia akan memikirkan negatif dahulu.

So saya rasa biar lebih *transparent, open bidding*, berapa orang *bidding, second bidder's* berapa, *make it online, and every three or four minutes you* sudah tahu siapa yang dapat.

Dato' Ismail bin Ahmad: Yang Berhormat, ini dahulu memang kita buat macam itu tetapi apabila ada teguran Kabinet hari itu tentang isu Yang Berhormat Menteri saya pun dia pun kena juga begitu.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya... *[Ketawa]* Dahulu pada tahun 2012 sebab isu nombor 15 sedangkan itu kelayakan dia tetapi orang pertikaian juga.

Tuan Pengerusi: itu tidak mengapa Dato'. Itu Dato' sendiri hendak jaga hati Menteri Kabinet dan Tuanku. Kita di PAC ini kita buat benda yang dikehendaki rakyat.

Dato' Ismail bin Ahmad: Ia telus.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi tidak apalah. Itu soalnya- itu hal kitalah di PAC hendak buat *recommendation* yang kita akan buatlah. Cuma terima kasih kerana menjelaskan mengenai isu ini. Jadi maknanya semua rakyat sudah tahu siapa yang ada diberikan keistimewaan itu dan berapa jumlahnya. Siapa yang tidak ada keistimewaan itu kerana orang fikir pegawai kerajaan juga yang ambil perkara ini.

Dato' Ismail bin Ahmad: Tidak ada.

Tuan Pengerusi: Bukan? Juga yang ambil...

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Kelayakan-kelayakan ini benda yang jelas...

Dato' Ismail bin Ahmad: Jelas dan yang terdapat dalam...

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Bertulis dan bukannya...

Dato' Ismail bin Ahmad: Bukan, bukan.

Dato' Kamarudin bin Jaffar: Utusan...

Dato' Ismail bin Ahmad: Ia yang terdapat dalam peraturan kita Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya.

Tuan Pengerusi: Kalau saya, saya hendak minta juga *list* itu.

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya?

Tuan Pengerusi: Di PAC ini kita hendak minta juga *list* itu.

Dato' Ismail bin Ahmad: Hendak dapatkan *list* itu?

Tuan Pengerusi: Ya.

Dato' Ismail bin Ahmad: Boleh, boleh.

Tuan Pengerusi: Boleh, ya?

Dato' Ismail bin Ahmad: Boleh.

Tuan Pengerusi: Okey.

Dato' Ismail bin Ahmad: Nama yang dalam senarai itu semua yang melibatkan ialah Tuanku- kita buat anggota pentadbiran itu yang melibatkan Tuanku, Tuanku Sultan Selangor...

Tuan Pengerusi: Beri *list* itu pada kita di PAClah.

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya. Apa yang jadi isunya ialah nombor satu sampai nombor sepuluh yang lain-lain nombor itu ia tidak jadi isu. Satu lagi, ia sebenarnya nombor ini yang jadi isu ini bukan selalu. Apabila nombor "WWW", ini yang akan jadi isu dengan Tuanku dan semua itu. Ini BMW dan yang akan datang ini "RM" di Perlis. Perlis "R" M tahun depan bulan Jun itu, sekarang ini orang sudah mula memohon, "RM". Tahun depan Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Kadang-kadang orang beli sepuluh nombor.

Dato' Ismail bin Ahmad: Orang beli sepuluh nombor?

Tuan Pengerusi: Oh! Tidak faham tidak apa.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: *[Bercakap tanpa menggunakan pembesar suara]*

Tuan Pengerusi: Dato' jadi isu... *[Ketawa]* JPJ dalam ini adalah yang mentadbir semua tender nombor di semua negeri?

Dato' Ismail bin Ahmad: Bukan, bukan. Sebenarnya, maksudnya begini Yang Berhormat. Maknanya semua negerilah di bawah bidang kuasa Pengarah Negeri masing-masinglah. Ikut negeri.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Proses *bidding* itu macam mana?

Dato' Ismail bin Ahmad: *Bidding* kita ada borang disediakan. Borang MB10 itu. Isi borang dan *submit*lah dan jawatankuasa di peringkat negeri-negeri dia akan tubuhkan dan akan ada pembuka tender, macam tender biasa jugalah selepas itu dia *sit for* ini. Setiap nombor yang dia *bid* itu mesti letak 50% daripada nilai nombor yang dia hendak masuk itu.

Tuan Pengerusi: Depositlah.

Dato' Ismail bin Ahmad: Deposit, ya.

Tuan Pengerusi: Deposit, ya.

Dato' Ismail bin Ahmad: Bagi yang tidak berjaya. Katakan satu nombor sepuluh orang yang *bid* dan yang akan berjaya seorang sahaja. Manakala yang sembilan orang itu lagi kita akan pulang semulalih duit mereka.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Saya *bid* kecuali nombor saya jadi anggota-anggota yang Dato' beritahu yang layak dapat itu, kalau lain daripada itu, kalau saya *bid* paling mahal sepatutnya saya dapatlah?

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Ia memang macam itu?

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya.

Dato' Abd. Aziz Sheikh Fadzir: Ia tidak ada lagi pengaruh-pengaruh lain?

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya, tidak ada.

Tuan Pengerusi: Tidak, untuk kami, kami tidak faham kenapa hendak bayar banyak sangat itu bagi satu nombor itu.

Beberapa Ahli: *[Ketawa]*

Tuan Pengerusi: Cukup tidak fahamlah...

Dato' Ismail bin Ahmad: Akan tetapi ramai orang banyak duit Yang Berhormat. Beratus ribu pun ada orang bayar. Itu yang kita hairan itu.

Tuan Pengerusi: Tidak. Isunya bila kereta berjalan di tengah jalan di mata rakyat itu misalannya orang kata, "Okey, sekarang *ini berapa banyak dia bayar nombor ini*". Bila macam sekarang ini buat *e-bidding* dan sebagainya, perkara ini akan terkeluar jumlahnya kerana hendak jadi *transparent*. Jadi *immediately* orang punya persepsi kata orang ini mana dapat duit? Walaupun dia dapat duit secara halal dan sebagainya tetapi orang- tahulah sekarang ini, ya. Isu seperti ini. Jadi di pihak PAC bagi pandangan sayalah, tidak salah kalau hendak buat pencerahan pun.

So, what? If you are willing to pay that much and you actually earn that money you pay the license or the tender price, why should you hide or scared?

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya. Cuma kita Yang Berhormat, kita ambil kira atas pandangan Kabinet tempoh hari itulah.

Tuan Pengerusi: Itu Dato' terikat dengan itu, tetapi PAC tidak terikat. Jadi kalau kita *recommend* nanti, tengok macam mana...

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya. Hendak showkan supaya nombor nama itu boleh dipamerkan semua? Kita tidak ada masalah Yang Berhormat.

Tuan Pengerusi: Ya, tahu. *Let PAC cadangkan to be fully transparent, about the tender. So by next year akan eBiddinglah.*

Dato' Ismail bin Ahmad: Kita akan ke arah itu Yang Berhormat. Kita sedang membangunkan sistem untuk kita *eBidding next year*.

Tuan Pengerusi: Maknanya pentadbiran itu akan dibuat di peringkat Pusatlah?

Dato' Ismail bin Ahmad: Tidak. Di negeri-negeri orang boleh *bid* di peringkat negeri-negeri masuk dalam sistem dan *bidlah* nombor yang dia mahu.

Tuan Pengerusi: Masih negeri-negeri lagi, ya.

Dato' Ismail bin Ahmad: Ya, negeri-negeri.

Tuan Pengerusi: Akan tetapi akan diseragamkan kepada satu- dari segi...

Dato' Ismail bin Ahmad: Di negeri-negeri benda ini boleh dibuat di peringkat negeri masing-masing. Ya.

Dr. Tan Seng Giaw: Akhir sekali soalan saya. Ini kerana JPJ mengawal atau memantau keadaan di PUSPAKOM. Ini kerana saya sering terima aduan mengenai PUSPAKOM.

Bolehkah kita memperbaiki imej kerana itulah yang diaturnya ada penyelewengan itu dan ini tetapi saya tidak ada bukti. Cuma boleh kita memperbaiki imej.

Dato' Ismail bin Ahmad: Boleh Yang Berhormat. Kita memang selalu- saya rasa pihak MoT dia sebenarnya PUSPAKOM ini *directly* dari segi urusan teknikal dan sebagainya dia *direct* bawah JPJ. Akan tetapi dari segi tanggungjawab dan semua itu, ia *direct* bawah MoT. MoT yang boleh pantaunya, tanggungjawab MoT yang akan pantaunya.

Datuk Ruhaizah binti Mohamed Rashid: *In fact*, Yang Berhormat, kalau setiap kali kita- kita selalu mengadakan perbincangan ataupun *meeting* atau mesyuarat dengan PUSPAKOM *especially* kalau adanya aduan-aduan yang *prominent*, yang kita rasa penting untuk kita selaraskan dan kita selalunya kita akan panggil PUSPAKOM sebab konsesi adalah antara PUSPAKOM dengan Kementerian Pengangkutan. So itu yang kita lihat dan kaji semula apa yang diadukan oleh pengadu dan apa cara kita untuk menambah baik.

Contohnya kalau dahulu banyak kita buat manual tetapi sekarang ini kita sudah mekanisme. So sudah ada mekanisme yang dikatakan ujian-ujian itu semua menggunakan *machine* dan kita kurangkan penggunaan *human factor*. So those are the things yang memang kita lihat dapat mengurangkan telahan atau pun permasalahan yang wujud. *It is because when you have human factor in between intervention* macam-macamlah *because* manusia ini very creative. So adalah, dia tidak dapat buat cara ini dia buat cara itu.

So now we tell PUSPAKOM, they should putting in more machines dan alhamdulillah they are all going towards, putting in more machines then more humans beings. So itu yang ia sedang melihatlah, macam mana untuk menambah baik. *So every now and then, we will have discussion with the PUSPAKOM* untuk menambah baik perkhidmatan yang diberikan. So far ini kita tidak adalah dengar aduan-aduan yang ketara, *normal operational* aduan itu memang ada but kita *handle it according* dia punya keperluan yang kita perlu laksanakan.

Tuan Pengerusi: Soalan lain? Kalau tidak ada, saya ada satu sahaja soalan sedikit sahaja tetapi berkenaan dengan isu lain iaitu isu AES.

Dato' Ismail bin Ahmad: AES.

Tuan Pengerusi: Senyap sahaja AES ini. Sudah tidak ada cerita. Sekarang ini siapa yang mentadbir AES ini? Adakah JPJ atau ada jabatan lain yang mentadbirnya? Kalau boleh beri sedikit pencerahan.

Dato' Ismail bin Ahmad: Mesyuarat Majlis Ekonomi telah memutuskan bahawa urusan AES ini akan diambil alih oleh kerajaan atau pun syarikat kerajaan, lebih kurang macam itu dan dari segi pelaksanaan akan diberi kepada dua. Sebahagian akan dilaksanakan oleh PDRM dan sebahagian daripada JPJ. PDRM akan mula kenal pasti tapak di mana hendak pacak tiang itu, kamera itu, dia akan kenal pasti di mana kawasan-kawasan *black spot*, pacak dan *Maintain* kamera.

Selepas itu keluarkan saman dan sebagainya PDRM. Akan tetapi selepas keluarkan saman dan sebagainya bagi menentukan kes *blacklist*, sistem *demerit*, gantung lesen, batal lesen dan yang itu akan diberi tukar kepada JPJ. Ini ialah keputusan yang telah dibuat oleh pihak Majlis Ekonomi yang lepas.

Tuan Pengerusi: Jadi, saya sudah tidak ada apa-apa hendak tanya. Okey. Hari ini tidak ada masalah bukan datang PACkan Dato'?... [Ketawa] Kami tidak makan orang.

Beberapa Ahli: [Ketawa]

Datuk Ruhazah binti Mohamed Rashid: Again Tuan Pengerusi, *it is perceptionlah agak.*

Tuan Pengerusi: *That is what a fix also, perception* di PAC ini makan orang. Jadi saya ucapkan terima kasihlah kepada Dato' di atas penjelasan yang diberikan kepada kami pada hari ini. Sebenarnya kami berpuas hati dengan kerjasama yang diberikan dan kami akan ambil kiralah maklumat atau penjelasan yang diberikan untuk kami buat rumusan nanti dan saya ucapkan terima kasih.

I would like to congrats on your frankness to explain the issues yang timbul pada hari inilah. Jadi saya ucapkan terima kasih kepada Dato'. Dato' Long kalau datang- dia sudah banyak kali datang tentang isu Kementerian Pengangkutan. Ini isu KLIA2 nanti kita akan keluarkan laporan kita tidak lama lagi. Apa pun, *we will call you back.*

Jadi saya ucapkan terima kasihlah kepada Dato', dan saya tangguhkanlah mesyuarat ini. Terima kasih.

[Mesyuarat ditangguhkan pada pukul 4.42 petang.]

DOKUMEN PEMBENTANGAN



PENGAUDITAN TERHADAP PENGURUSAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

PEMBENTANGAN KEPADA JAWATANKUASA KIRA-KIRA
WANG AWAM (PAC)

05 NOVEMBER 2014

1

SKOP PENGAUDITAN

1. Pengauditan ditumpukan kepada aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan berhubung aktiviti penguatkuasaan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) yang dilaksanakan pada tahun 2011 hingga 2013.
2. Operasi terlibat:
 - i. Operasi Harian
 - ii. Operasi Bersepadu
 - iii. Operasi Motosikal
 - iv. Operasi Pengarah
 - v. Operasi Terminal Bas
 - vi. Stesen Penguatkuasa (SPK)
 - vii. Operasi Lebih Muatan
 - viii. Operasi Musim Perayaan.

SKOP PENGAUDITAN

NEGERI	Bahagian/Pejabat
Putrajaya	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Penguatkuasa
Kelantan	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Penguatkuasa Negeri Stesen Penguatkuasa Kuala Belah, Laloh dan Labok, Stesen Kawalan Sempadan Rantau Panjang, Pengkalan Kubor dan Bukit Bunga
Selangor	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Penguatkuasa Negeri Stesen Penguatkuasa Banting dan Semenyih. Bilik Kawalan KLIA
Sabah	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Penguatkuasa Negeri Cawangan Tawau Pejabat Kecil Lahad Datu Stesen Penguatkuasa Silam, Segama dan Telipok
Perak	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Penguatkuasa Negeri Stesen Penguatkuasa Kuala Kangsar dan Grik Stesen Kawalan Sempadan Pengkalan Hulu
W.P Kuala Lumpur	<ul style="list-style-type: none"> Bahagian Penguatkuasa Negeri Stesen Penguatkuasa W.P. Kuala Lumpur

PENGAUDITAN TERHADAP PENGURUSAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

3

1. Pencapaian Petunjuk Prestasi Utama

- Negeri Selangor, Sabah dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah mencapai KPI bagi operasi yang ditetapkan.
- Negeri Kelantan dan Perak tidak mencapai keseluruhan KPI yang ditetapkan.

PENCAPAIAN KPI OPERASI PENGUATKUASAAN BAGI TAHUN 2013

PENGUATKUASAAN OPERASI	KPI	PENCAPAIAN (Kekerapan/Kali)				
		KELANTAN	SELANGOR	SABAH	PERAK	W.P. KL
Harian	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari
Bersepadu	4	4	4	4	4	4
Motosikal	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari
Pengarah	12	14	36	12	9	12
Blinkers	64	83	83	83	83	83
Penyamaran Bas Ekspres	32	57	126	38	9	162
Penyamaran Bergambar	64	63	74	74	9	74
Terminal Bas	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari
Stesen Penguatkuasa	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari	Setiap Hari
Lebih Muatan	16	72	72	31	9	36

Sumber : JPJ Negeri Kelantan, Selangor, Sabah, Perak dan W.P. Kuala Lumpur

PENGAUDITAN TERHADAP PENGURUSAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

4

2. Kuasa JPJ Terhad Terhadap Kesalahan Di Bawah Akta Pengangkutan Awam Darat 2010

PEMAKAIAN AKTA BERKAITAN

AKTA	PEMAKAIAN
Akta Pengangkutan Awam Darat 2010	Semenanjung Malaysia
Akta Lembaga Peleseran Kenderaan Perdagangan 1987	Sabah, Sarawak & Wilayah Persekutuan Labuan

- a. Tiada saman dikeluarkan secara terus bagi kesalahan lebih muatan di Semenanjung.
- b. Peruntukan APAD 2010 menetapkan keperluan menyediakan kertas siasatan (IP) sebelum mendapatkan keizinan bertulis daripada Pendakwa Raya bagi tujuan pendakwaan dan pengkompaunan.
- c. Bagi kesalahan lebih muatan di Sabah, Sarawak dan Wilayah Persekutuan Labuan saman boleh dikeluarkan terus tanpa perlu mendapatkan keizinan pendakwa raya.
- d. Tiada keseragaman dalam mengambil tindakan terhadap kesalahan lebih muatan mengikut APAD 2010 dan ALPKP 1987.

3. Kelewatan Menyiapkan Kertas Siasatan

- a. Sebanyak 312 (14.7%) daripada 2,120 kertas siasatan yang dibuka dapat disiapkan bagi tempoh tahun 2011 hingga bulan Julai 2013.
- b. Ini menunjukkan bahawa masih terdapat kes tahun 2011 dan 2012 belum disiapkan.
- c. Sebanyak 112 kertas siasatan yang telah siap diserahkan kepada Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD) untuk tindakan selanjutnya.
- d. Bagi kes pemilik enggan hadir temu siasat, kertas siasatan bersama bukti keengganan pemilik hadir temu siasat dihantar ke SPAD untuk tindakan selanjutnya.
- e. Di bawah APAD 2010, pegawai pengangkutan jalan tidak mempunyai kuasa untuk menyenaraihitamkan pemilik yang tidak hadir temu siasat.

3. Kelewatan Menyiapkan Kertas Siasatan (Samb....)

STATUS PENYEDIAAN DAN PENYERAHAN KERTAS SIASATAN BAGI TEMPOH TAHUN 2011 HINGGA BULAN JULAI 2013

NEGERI	BILANGAN KERTAS SIASATAN YANG DIBUKA			STATUS PENYEDIAAN KERTAS SIASATAN		KERTAS SIASATAN YANG TELAH DISERAH KEPADA SPAD
	2011	2012	2013	DALAM SIASATAN	SIAP	
Kelantan	41	12	0	40	13	0
Selangor	207	220	486	800	113	87
Perak	247	381	145	661	112	0
W.P Kuala Lumpur	82	142	157	307	74	25
JUMLAH	577	755	788	1,808	312	112

Sumber : JPJ Negeri

PENGAUDITAN TERHADAP PENGURUSAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

7

4. Penguatkuasaan Terhadap Kenderaan Yang Diberi Pengecualian Permit Peredaran Antarabangsa (International Circulation Permit) Tidak Dapat Ditentukan

- Pegawai pengangkutan jalan yang ditempatkan di Stesen Kawalan Sempadan tidak melaksanakan aktiviti penguatkuasaan sebaliknya hanya melaksanakan tugas mengeluarkan dan membatalkan ICP serta tugas pentadbiran Stesen Kawalan Sempadan.
- Tugas penguatkuasaan ini dilaksanakan oleh pegawai pengangkutan jalan dari negeri/cawangan berdekatan.
- Pegawai pengangkutan jalan di Stesen Kawalan Sempadan tidak diberi tanggungjawab untuk melaksanakan penguatkuasaan kerana terdedah kepada risiko/ancaman keselamatan daripada pihak luar yang keluar masuk sempadan.

PENGAUDITAN TERHADAP PENGURUSAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

8

4. Penguatkuasaan Terhadap Kenderaan Yang Diberi Pengecualian Permit Peredaran Antarabangsa (International Circulation Permit) Tidak Dapat Ditentukan (Samb...)

- d. Audit tidak dapat menentukan penguatkuasaan secara khusus dijalankan terhadap kenderaan asing yang diberi pengecualian memasuki kawasan sempadan tanpa ICP dalam jarak 2 km.
- e. Terdapat kemungkinan kenderaan ini akan membelaikan undang-undang seperti bergerak melebihi jarak yang dibenarkan, membawa lebih muatan, tidak mempunyai tanda badan, dan pemandunya tidak mempunyai lesen yang disyaratkan oleh undang-undang Malaysia.

5. Laporan/Rekod Operasi Penguatkuasaan Tidak Diselenggara Atau Tidak Lengkap

- Rekod bagi 6 operasi (Lebih Muatan, Terminal Bas, Bersepadu, Motosikal, Pengarah dan Operasi Musim Perayaan) tidak diselenggara/tidak lengkap

REKOD OPERASI PENGUATKUASAAN TIDAK DISELENGGARA/TIDAK LENGKAP

OPERASI	PENEMUAN AUDIT	SEBAB
Lebih Muatan	<ul style="list-style-type: none">• Sebanyak 53 kes yang dilaporkan di Negeri Kelantan adalah berdasarkan kepada jumlah kertas siasatan (IP) yang melibatkan proses temu siasat dengan pemilik. Jumlah sebenar kesalahan lebih muatan yang berlaku di negeri Kelantan tidak dapat dipastikan.• Dari tahun 2011 hingga bulan Julai 2013 sebanyak 213,699 kenderaan barang telah diperiksa dan 6,246 kesalahan lebih muatan telah dikenal pasti di Sabah. Bagaimanapun, bilangan saman yang dikeluarkan bagi kesalahan tersebut tidak dapat ditentukan.	<ul style="list-style-type: none">• Pertukaran pegawai yang mengendalikan rekod dan hanya IP yang telah selesai proses temu siasat pemandu diberikan ke JPJ Negeri.• JPJ tidak menyelenggara statistik saman mengikut jenis kesalahan. Statistik yang diselenggarakan hanya menunjukkan jumlah keseluruhan saman yang dikeluarkan.

5. Laporan/Rekod Operasi Penguatkuasaan Tidak Diselenggara Atau Tidak Lengkap (Samb...)

OPERASI	PENEMUAN AUDIT	SEBAB
Terminal Bas	<ul style="list-style-type: none"> Tiada rekod berkenaan aspek pemeriksaan teknikal diselenggarakan untuk menentukan pemeriksaan teknikal dilaksanakan oleh PPJ Berbeza dengan pemeriksaan teknikal bas semasa musim perayaan di mana terdapat rekod slip pemeriksaan teknikal dilekatkan/dipamerkan di cermin hadapan bas bagi menunjukkan pemeriksaan bas telah dijalankan supaya tiada pemeriksaan berulang semasa bas singgan di terminal lain. Rekod berkenaan bilangan bas yang diperiksa dan bilangan notis/kesalahan yang diambil tindakan semasa menjalankan operasi di terminal secara bulanan tidak diselenggara 	<ul style="list-style-type: none"> Tiada arahan diberi kepada JPJ Negeri untuk menyelenggara rekod statistik penguatkuasaan mengikut jenis operasi.
Bersepadu, Motosikal Dan Pengarah	<ul style="list-style-type: none"> Tiada statistik penguatkuasaan sesuatu operasi secara berasingan dijana oleh sistem mySIKAP sebaliknya ia dimasukkan terus ke dalam statistik penguatkuasaan secara bulanan. 	<ul style="list-style-type: none"> Tiada arahan diberi kepada JPJ Negeri untuk menyelenggara rekod statistik penguatkuasaan mengikut jenis operasi.
Musim Perayaan	<ul style="list-style-type: none"> Laporan statistik penguatkuasaan disediakan oleh JPJ setiap kali operasi musim perayaan diadakan. Namun tiada laporan khusus berkenaan analisis pencapaian objektif penguatkuasaan JPJ sempena musim perayaan disediakan sepanjang tempoh 2011 hingga 2013. 	<ul style="list-style-type: none"> Tiada arahan diberi kepada JPJ Negeri untuk menyelenggara rekod statistik penguatkuasaan mengikut jenis operasi.

PENGAUDITAN TERHADAP PENGURUSAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

11

6. Penubuhan Pejabat Tanpa Waran Perjawatan

- Sebanyak 9 SPK dan 4 SKS ditubuhkan tanpa waran perjawatan.
- Tiada bukti JPJ memohon perjawatan kepada JPA bagi pejabat tersebut.

PENUBUHAN PEJABAT TANPA WARAN PERJAWATAN

NEGERI	PEJABAT		JUMLAH	TAHUN PENYERAHAN/PENUBUHAN SPK/SKS
	SPK	SKS		
Kelantan	3 (Labek, Laloh, Kuala Bahar)	3 (Rantau Panjang, Pengkalan Kubor, Bukit Bunga)	6	<ul style="list-style-type: none"> - SPK Labek diserah ke JPJ pada 5 Februari 1994 - SPK Laloh diserah ke JPJ pada 24 Julai 1996 - SPK Kuala Bahar diserah ke JPJ pada 1 Januari 1996 - SKS Rantau Panjang dan SKS Pengkalan Kubor ditubuh pada 1 Januari 2000 - SKS Bukit Bunga ditubuh pada 21 Disember 2007
Selangor	2 (Bilik Kawalan KLIA, Banting)	-	2	<ul style="list-style-type: none"> Bilik Kawalan KLIA ditubuh pada tahun 2005 - SPK Banting diserah ke JPJ pada 7 Jun 1996
Sabah	2 (Silam, Segama)	-	2	Tiada maklumat
Perak	1 (Grik)	1 (Pengkalan Hulu)	2	<ul style="list-style-type: none"> - SPK Grik diserah ke JPJ pada 17 Ogos 1993 - SKS Pengkalan Hulu ditubuh pada 1 Januari 2000
W.P. Kuala Lumpur	1 (Gombak)	-	1	<ul style="list-style-type: none"> - SPK Gombak diserah ke JPJ pada 10 Disember 1998
JUMLAH	9	4	13	

Sumber : Ibu Pejabat JPJ

PENGAUDITAN TERHADAP PENGURUSAN AKTIVITI PENGUATKUASAAN JABATAN PENGANGKUTAN JALAN

12

7. Pejabat Tidak Ditubuhkan Walaupun Ada Waran Perjawatan

- a. 3 Pejabat Kecil (PK) di Negeri Perak, 4 SPK di Negeri Selangor dan satu SPK di Negeri Sabah yang melibatkan 168 perjawatan yang telah diluluskan melalui waran perjawatan Bil. K73/2012 belum ditubuhkan.
- b. Bagi PK Parit Buntar, Slim River dan Selama, pejabat tidak ditubuhkan kerana tiada peruntukan kewangan dan tanah.
- c. Bagi SPK Kajang-Seremban (LEKAS) (Utara) dan (LEKAS) (Selatan), bangunan pejabat masih belum dibina oleh syarikat konsesi lebuh raya.
- d. Bagi SPK Klang Selatan (SKVE) (Timur) dan (Barat), pejabat telah siap dibina oleh syarikat konsesi lebuh raya tetapi serahan masih belum dibuat kepada JPJ.
- e. Bagi SPK Kota Marudu, tiada bangunan pejabat dibina.

7. Pejabat Tidak Ditubuhkan Walaupun Ada Waran Perjawatan (Samb...)

PEJABAT TIDAK DITUBUHKAN WALAUPUN ADA WARAN PERJAWATAN

NEGERI	PEJABAT ADA WARAN PERJAWATAN TETAPI PEJABAT TIDAK DITUBUHKAN		JUMLAH PERJAWATAN (ORANG)
	PEJABAT KECIL	SPK	
Selangor		Kajang-Seremban (LEKAS) (Utara)	21
		Kajang-Seremban (LEKAS) (Selatan)	21
		Klang Selatan (SKVE) (Timur)	21
		Klang Selatan (SKVE) (Barat)	21
Sabah		Kota Marudu	21
Perak	Parit Buntar		21
	Slim River		21
	Selama		21
JUMLAH			168

Sumber : JPJ

8. Bekalan Elektrik Ke SPK Segama, Lahad Datu, Sabah

- a. Lawatan Audit pada 20 Ogos 2013 mendapati pejabat ini masih belum dilengkapi dengan bekalan elektrik.
- b. Bekalan elektrik yang sedia ada diperoleh sepenuhnya daripada set generator sejak mula beroperasi pada tahun 1995 dan bekalan petrol diperolehi dari Lahad Datu yang berada pada jarak 36 km untuk kegunaan generator.
- c. Satu unit generator yang dibekalkan pada tahun 1995 telah rosak pada bulan Disember 2007.



*SPK Segama, Lahad Datu, Sabah
- Generator Yang Dibekalkan Pada
Tahun 1995 Telah Rosak
(20.08.2013)*

8. Bekalan Elektrik Ke SPK Segama, Lahad Datu, Sabah (Samb...)

- b. Satu unit generator terpakai daripada JPJ Negeri Sabah telah dibekalkan pada bulan Januari 2008.
- c. Generator ini kerap mengalami kerosakan dan menyebabkan bekalan elektrik sering terputus dan proses penimbangan tidak dapat dilaksanakan.
- d. JPJ Negeri Sabah telah menerima peruntukan berjumlah RM15,000 melalui waran bertarikh 5 Julai 2013 bagi pembaikan generator.



*SPK Segama, Lahad Datu, Sabah
- Generator Yang Dibekalkan Pada Tahun 2008
Kerap Mengalami Kerosakan
(20.08.2013)*


9. Penyenggaraan Jalan Keluar SPK Telipok, Tuaran, Sabah

- a. Lawatan Audit pada 22 Ogos 2013 mendapati jalan keluar di Stesen Penguatkuasa Telipok tidak dapat digunakan kerana jalan yang rosak akibat banjir.
- b. Jalan keluar di stesen timbang ini tidak dapat digunakan dan kenderaan terpaksa membuat pusingan U dan keluar melalui pintu masuk.
- c. Keadaan ini menyukarkan pihak JPJ dan pemandu kenderaan kerana mengganggu kerja penimbangan kenderaan.


9. Penyenggaraan Jalan Keluar SPK Telipok, Tuaran, Sabah (Samb...)

- d. JPJ Negeri Sabah telah mengemukakan permasalahan takungan air di Stesen Penguatkuasa Telipok kepada Setiausaha Persekutuan Sabah pada 16 Ogos 2012.
- e. Permohonan penyenggaraan untuk kerja pembaikan jalan masuk dan keluar pejabat Stesen Penguatkuasa Negeri Sabah kepada Jabatan Kerja Raya Negeri Sabah telah dibuat pada 15 Februari 2013.
- f. Sehingga tarikh lawatan Audit masih tiada jawapan daripada pihak berkenaan.

9. Penyenggaraan Jalan Keluar SPK Telipok, Tuaran, Sabah



SPK Telipok, Tuaran, Sabah
- Jalan Keluar Yang Rosak Akibat Banjir
(22.08.2013)




SPK Telipok, Tuaran, Sabah
- Jalan Masuk Ke SPK Telipok Yang
Digunakan Untuk Keluar
(22.08.2013)

SPK Telipok, Tuaran, Sabah
- Lori Yang Sedia Ditimbang Dan Lori
Yang Menunggu Untuk Ditimbang
Berada Jauh Di Belakang
(22.08.2013)



Sekian

Terima Kasih



OVERVIEW PENGUATKUASAAN JPJ

Bhg. Penguatkuasaan
Ibu Pejabat JPJ Malaysia

MATLAMAT PENGUATKUASAAN

Memastikan pematuhan kepada undang-undang berhubung dengan pemandu dan kenderaan motor bagi mewujudkan jalan raya yang selamat dan selesa.

REGULATIONS

RTA (Act 333) 	<ul style="list-style-type: none">An Act to make provision for the regulation of Motor Vehicles and traffic on roads.Applies to Peninsular Malaysia, Sabah and SarawakEnforcement by JPJ and PDRM
APAD (Act 715) 	<ul style="list-style-type: none">An Act to provide for and regulate land public transport and for matters connected therewith.Applies to Peninsular Malaysia only.Enforcement by SPAD, JPJ and PDRM
ALPKP (Act 334) 	<ul style="list-style-type: none">An Act to provide for the licensing and regulating of commercial vehicles and for matters connected therewith.Shall apply only to Sabah, Sarawak and the FT of Labuan.Enforcement by JPJ, LPKP and PDRM
Road Transport Rules 	<ul style="list-style-type: none">Rules made under RTAGenerally as to the construction, maintenance, use, age, equipment, safety of Motor Vehicles, to regulate the grant of Driving License and for the control of school for the instructions of drivers of Motor VehiclesEnforcement by JPJ

BILANGAN PERJAWATAN PENGUATKUASA

Bil.	Jawatan	JL	JI	JK
1	Pegawai Penguatkuasa (N41 – N54)	147	102	45
2	Penolong Pegawai Penguatkuasa (N27 – N36)	902	746	156
3	Pembantu Penguatkuasa (N17 – N26)	4,309	3,736	573
4	JUMLAH	5,358	4,584	774

Sumber : Waran Perjawatan K. 126/2014 dan K. 127/2014



ROAD SAFETY SCENARIO IN MALAYSIA : CASUALTY BY TYPE OF ROAD USER (2008 - 2013)


TYPE OF ROAD USER	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Motorist	1,335	1,405	1,421	1,389	1,435	1,399
Motorcyclist	3,898	4,067	4,036	4,169	4,178	4,294
Pedestrian	598	589	626	530	530	455
Bicyclist	203	224	192	172	156	151
Buses	48	31	77	29	32	60
Lorry	195	213	202	247	194	210
Others	250	216	318	341	392	346
TOTAL	6,527	6,745	6,872	6,877	6,917	6,915

Source : RMP


On average:

- Motorcyclists makes up about 60% of all fatalities
- Motorists makes up about 20% of all fatalities
- Pedestrians makes up about 10% of all fatalities
- Road crashes cost the nation about RM 9.0 billion annually

Annual Fatalities (2004-2013)



FATALITIES INDEX 2004 - 2013




Source : Road Safety Department


Together
we can save
millions
of lives.

DECADE OF ACTION FOR
ROAD SAFETY 2011-2020

DECADE OF ACTION FOR
ROAD SAFETY 2011-2020
www.decadeofaction.org




FATALITY FORECAST FOR MALAYSIA



Source : Rohayu S, Sharifah Allyana SMR, Jamilah MM & SV Wong (2012), Predicting Malaysian Road Fatalities for Year 2020, MRR 06/2012, Kuala Lumpur: Malaysian Institute of Road Safety Research.

SASARAN RSPP 2014 - 2020

FATALITY FORECAST FOR MALAYSIA



Source : Rohayu S, Sharifah Alyana SMR, Jamilah MM & SV Wong (2012), Predicting Malaysian Road Fatalities for Year 2020, MRR 06/2012, Kuala Lumpur: Malaysian Institute of Road Safety Research.

It is expected that the number of fatalities will increase to 8,760 (year 2015) and 10,716 (year 2020). More efforts and effective interventions should be created creatively to prevent fatal road crashes, to bring down the fatalities.

PELAN KESELAMATAN JALAN RAYA (RSP) 2014 - 2020

- Meningkatkan usaha-usaha mengurangkan tahap kematian akibat kemalangan jalan raya di Malaysia;
- Menyokong saranan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) dalam menjayakan Tindakan Sedekad Bagi Keselamatan Jalan Raya; dan
- Mendapatkan sokongan politik dan sumber yang mencukupi bagi inisiatif-inisiatif keselamatan jalan raya.



5 TONGGAK STRATEGIK RSP 2014 -2020

Pengurusan Keselamatan Jalan Raya



Mobiliti dan jalan raya yang lebih selamat



Kenderaan yang lebih selamat



Pengguna jalan raya yang lebih selamat



Pengurusan pasca kemalangan



Tonggak ke 3 RSP : Kenderaan yang lebih selamat

Penguatkuasaan UN Rules

- Warta 77 (1977 - 2013) dari 126 yang ditetapkan
Menjelang 2020.



Penguatkuasaan Vehicle Type Approval (VTA) bagi semua jenis model baru kendaraan sebelum boleh didaftarkan.

Mewajibkan pemeriksaan berkala bagi semua jenis kendaraan perdagangan.

**Kenderaan yang
lebih selamat**



Tonggak ke 4 RSP : Pengguna jalan raya yang lebih selamat

Pelaksanaan Kurikulum Baru Pendidikan
Pemandu

Program Akreditasi Institusi Memandu

Pelaksanaan Sistem Mata Demerit (KEJARA)

Penglibatan Komuniti – SM1JPJ dan Kadet JPJ

Semakan dan kemas kini undang-undang



Pengguna jalan
raya yang lebih
selamat



Sambungan...

Tonggak ke 4 RSP : Pengguna jalan raya yang lebih selamat

PENGUATKUASAAN STRATEGIK :


- Penempatan anggota di 31 buah terminal bas utama.
- Penyamaran sebagai penumpang bas ekspres.
- Penguatkuasaan ke atas 7 kesalahan utama penyebab kemalangan.
- Penguatkuasaan khas ke atas motosikal dan penunggang (Khas & berterusan).
- Mengadakan operasi serentak dan bersepadu di seluruh Negara
- Penguatkuasaan lebih muatan
- Penempatan anggota di KLIA
- Penempatan anggota di Kawasan Kerap Kemalangan
- Pemeriksaan mengejut ke atas bas ekspres di R & R terpilih.
- Penguatkuasaan Khas Musim Perayaan.
- Penguatkuasaan menyeluruh di Stesen Penguatkuasaan
- Penguatkuasaan Sempadan Thailand




**Pengguna jalan
raya yang lebih
selamat**

PEMERIKSAAN BAS DI TERMINAL

(PEMERIKSAAN SISTEM BREK DAN TAYAR)



ULAT DI KLIA



PENGUATKUASAAN OVERLOADING



TIMBANG DI SPK





OPS BERSEPADU MOTOSIKAL



OPS KENDERAAAN THAILAND



OPS CERMIN GELAP




OPS PENYAMARAN



OPS KAWASAN KERAP KEMALANGAN




OPS KHAS NO PLAT, STROBE LIGHT & LAMPU HID



JUMLAH KES PENGUATKUASAAN JPJ YANG DIDAFTARKAN DARI 2009 - 2013

Prestasi Penguatkuasaan 2009 - 2013



	JPJ P(22)	Jum Pemandu	Peratus	Pungutan Kompaun (RM)
Series1	2009	822,098	11,697,306	7
Series2	2010	734,097	12,236,254	6
Series3	2011	717,372	12,763,452	6
Series4	2012	611,599	13,303,843	5
Series5	2013	1,015,090	13,832,035	7

PERBEZAAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG KESALAHAN LEBIH MUATAN DI BAWAH APJ, ALPKP & APAD

APJ	ALPKP	APAD
➤ Tiada peruntukan khusus	➤ Seksyen 19(3) ALPKP 1987	➤ Seksyen 57(3) APAD 2010
➤ Saman dikeluarkan serta merta kepada pemandu atas kesalahan muatan bahaya di bawah kaedah 92 C&U 1959	➤ Saman dikeluarkan serta merta kepada pemandu pos berdaftar	➤ Kertas siasatan perlu disediakan dan dirujuk kepada TPR untuk izin pendakwaan atau kompaun.
➤ Saman disempurna kepada pelesen secara pos berdaftar	➤ Saman disempurna kepada pelesen secara pos berdaftar	➤ Pegawai Polis dan JPJ tidak mempunyai kuasa untuk menjalankan pendakwaan
➤ Penalti tidak lebih RM2,000 atau penjara tidak lebih enam bulan	➤ Penalti tidak kurang RM1000 dan tidak lebih RM10,000 atau penjara tidak lebih 1 tahun atau kedua-duanya	➤ Penalti tidak kurang RM1,000 dan tidak lebih RM500,000 atau dipenjara selama tempoh tidak lebih 2 tahun atau kedua-duanya

CASE STUDY

Isu pengawasaan ke atas kenderaan yang membawa muatan lebih.



CASE STUDY : LEBIH MUATAN DI BAWAH APAD 2010

■ OKS : Thow Joo Bricks Work SB

Kes No : 86-00179-01/2012

Mahkamah : Ipoh

TARIKH	TINDAKAN	TEMPOH	CATATAN
26 Julai 2011	Kes dikesan	-	-
	Siasatan dan sedia IP	2 bulan	-
10 Nov 2011	Mendapatkan izin dakwa dari TPR	1 bulan 12 hari	-
22 Nov 2011	Serah kes kpd SPAD	12 hari	SPAD serah balik kes kpd JPJ utk sedia Mah 111, Mah 114 dan serah saman kpd OKS
04 Jan 2012	Penyediaan Mah 111, Mah 114 dan serah saman kpd OKS	1 bulan 13 hari	-
28 Jan 2012	Sebutan kes di Mahkamah oleh TPR	24 hari	Denda RM6,000
	JUMLAH	6 bulan	-

PERANGKAAKAN KES SEBELUM DAN SELEPAS KUATKUASA APAD 2010

BIL	TAHUN	JUMLAH KES KENDERAAN PERDAGANGAN
1.	2008	180,601
2.	2009	206,261
3.	2010	424,721
4.	2011	1,728
5.	2012	3,034
6.	2013	3,747
7.	SEHINGGA OGOS 2014	2,975

Penguatkuasaan APAD 2010 bermula 2011

Terima Kasih

